



# LAPORAN SIMPOSIUM EKONOMI PENJAGAAN NEGERI SELANGOR 2023

*'Selangor Penyayang:  
Memartabat Ekonomi Penjagaan Di Selangor'*

# ISI

# KANDUNGAN

<b>PENDAHULUAN</b>	iii
<b>UCAPAN ALU-ALUAN</b>	iv
<b>UCAPAN PERASMIAN</b>	vi
<b>UCAPTAMA</b>	viii
<b>PEMBENTANGAN KERTAS KERJA &amp; DIALOG</b>	1
Pembentangan Kertas Kerja 1: Pemerksaan Tenaga Kerja Penjaga Dalam Ekonomi Penjagaan	2-8
Pembentangan Kertas Kerja 2: Akses Pengasuhan & Penjagaan Kanak-kanak untuk Semua: Kualiti, Kemampuan dan Kebolehcapaian Sebagai Batu Asas	9-13
Pembentangan Kertas Kerja 3: Ke Arah Penuaan Lestari: Inovasi Sosial dan Masa Depan Penjagaan Warga Emas dalam Konteks Ekonomi Penjagaan	14-18
Pembentangan Kertas Kerja 4: Memperkasa Kemandirian: Penyelesaian Penjagaan Holistik untuk Orang Kurang Upaya (OKU)	19-24
Dialog: Ke Arah Ekonomi Penjagaan: Perspektif, Realiti dan Transformasi	25-37
<b>PERBINCANGAN DALAM KUMPULAN DAN PEMBENTANGAN</b>	38
Pembentangan Kumpulan 1: Undang-undang & Dasar Berkaitan Ekonomi Penjagaan	38-44
Pembentangan Kumpulan 2: Kesihatan Awam dalam Ekonomi Penjagaan	45-49
Pembentangan Kumpulan 3: Kualiti dan Inklusiviti dalam Ekonomi Penjagaan	50-56
Pembentangan Kumpulan 4: Inovasi dalam Ekonomi Penjagaan	57-59

Pembentangan Kumpulan 5: Pelaburan dan Impak Ekonomi Penjagaan	60-62
Pembentangan Kumpulan 6: Peluang Pekerjaan Berimpak Tinggi dalam Ekonomi Penjagaan	63-64
Pembentangan Kumpulan 7: Advokasi dan Promosi untuk Ekonomi Penjagaan	65-67
<b>PEMBENTANGAN RESOLUSI DAN PENUTUP</b>	<b>69</b>
Resolusi Teras Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor	71-74
Garis Masa Cadangan Tindakan	75-76

**P**enjagaan keluarga dan komuniti, terutamanya terhadap golongan rentan dan warga emas, menjadi aspek penting, lebih-lebih lagi negara menghampiri penuaan populasi Malaysia menjelang tahun 2030. Terdapat beberapa aspek yang perlu diteliti dan dibincangkan berkaitan dengan penjagaan keluarga, merangkumi penerima seperti kanak-kanak, warga emas, dan orang kurang upaya, serta pemberi (penjaga), untuk memastikan pengiktirafan kerja-kerja penjagaan sebagai pekerjaan profesional dapat dilakukan.

Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023 ini dianjurkan sejajar dengan hasrat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam membangunkan ekonomi penjagaan dan mengiktiraf kerja-kerja penjagaan. Simposium ini telah dianjurkan bertujuan sebagai ruang perbincangan dan pertukaran idea dalam kalangan pemegang taruh dan pihak berkepentingan tentang ekonomi penjagaan.

Objektif simposium adalah untuk mendapatkan input dan cadangan bagi menggiatkan usaha dalam memartabatkan ekonomi penjagaan di negeri Selangor daripada kalangan peserta yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan, anak-anak syarikat kerajaan Negeri Selangor, ahli-ahli akademik, badan pemikir, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil serta pemain-pemain industri berkaitan.

Laporan ini merupakan laporan penuh dan terperinci Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023 untuk semua sesi: ucapan pembukaan, sesi pembentangan kertas kerja, dialog, perbincangan dalam kumpulan dan seterusnya pembentangan resolusi dan penutup.

# PENDAHULUAN

# UCAPAN ALU-ALUAN

**YB Puan Anfaal binti Saari, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (Care Economy) Negeri Selangor,** telah menyampaikan ucapan alu-aluan simposium. Beliau menggariskan keluarga sebagai akar penting dalam masyarakat.

Sebelum memulakan perbincangan, YB Puan Anfaal binti Saari mengalu-alukan pembentang dan peserta serta berkongsi pemikirannya mengenai kepentingan topik ini dalam konteks tradisi agama negara dan negeri ini bagi menghasilkan resolusi yang bertepatan dengan kehendak rakyat Negeri Selangor.



Dalam menyoroti konteks kepentingan ekonomi penjagaan dari peringkat bayi hingga warga emas, baik yang berbayar mahupun tidak, YB Puan Anfaal menegaskan adanya cabaran pengiktirafan sepenuhnya terhadap peranan ini dalam pembangunan ekonomi. Beliau menggariskan stigma yang melekat terhadap pekerjaan dalam ekonomi penjagaan, di mana masih wujud persepsi yang menyatakan bahawa ini adalah tugas individu (berbanding tugas masyarakat) dan kedua, tugas ini selalunya dilakukan oleh golongan wanita. Fenomena ini memberikan kesan yang serius, di mana pekerjaan ini sering kali tidak mendapat pengiktirafan sepenuhnya dan kurangnya perlindungan ekonomi yang sewajarnya. Stigma ini memperlihatkan ketidaksetaraan dan kurangnya kesensitifan terhadap peranannya dalam menyokong kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Salah satu aspek utama yang perlu diberi perhatian, menurut YB Puan Anfaal, adalah ketidaksetaraan gaji dan tangga kerjaya dalam ekonomi penjagaan. Data daripada Kajian Tenaga Buruh menunjukkan bahawa 5.1% daripada wanita dan 1.9% lelaki yang menjadi penjaga keluarga tidak menerima gaji. Ini menimbulkan isu yang serius tentang kurangnya penghargaan dan ganjaran ekonomi bagi pekerja yang terlibat dalam kerja penjagaan, khususnya golongan wanita. Tanpa gaji dan struktur kerjaya yang jelas, pekerja dalam sektor ini mungkin menghadapi cabaran ekonomi yang ketara.


Selain aspek ketiadaan gaji, dalam ucapan beliau, YB Puan Anfaal turut menggugah isu gaji yang tidak memadai atau rendah

untuk pekerja dalam sektor ekonomi penjagaan. Contohnya, beliau menyebut tentang pekerja seperti guru tadika dan pekerja sosial yang sering kali mendapati diri mereka menerima bayaran yang tidak sebanding dengan nilai pentingnya dalam masyarakat. Gaji yang rendah ini mencipta cabaran ekonomi yang serius bagi pekerja dan merosakkan martabat pekerjaan mereka.

Selain daripada masalah gaji, beliau turut menekankan bahawa pekerja dalam sektor ini juga sering menghadapi ketidakadilan dalam latihan, di mana masih ramai yang tidak menerima akses yang mencukupi kepada latihan dan pembangunan profesional, yang berpotensi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang mereka sediakan. Kurangnya peluang sebegini dapat memberi kesan kepada keberkesanan mereka dalam memberikan penjagaan yang berkualiti kepada golongan rentan yang dijaga seperti kanak-kanak dan warga emas.

Sebelum berakhir, beliau menggariskan tiga komponen utama yang menjadi fokus sepanjang simposium ini. Ini termasuk (i) empat pembentangan mengenai penjagaan, kanak-kanak, warga emas, dan orang kurang upaya, (ii) sesi perbincangan dalam kumpulan yang mengetengahkan tema-tema penting, dan (iii) dialog sebagai platform dua hala yang membuka ruang untuk perbincangan mendalam. Beliau berharap simposium ini dapat digunakan sebagai satu platform di mana semua pemegang taruh dalam bidang ekonomi penjagaan dapat berkongsi pandangan dan pengalaman praktikal bersama-sama.

YB Puan Anfaal binti Saari berharap bahawa perkara dibincangkan dalam seminar ini akan membantu merangka strategi Negeri Selangor untuk meningkatkan usaha dalam bidang ini.



Data daripada Kajian Tenaga Buruh menunjukkan bahawa **5.1% daripada wanita dan 1.9% lelaki yang menjadi penjaga keluarga tidak menerima gaji**. Ini menimbulkan isu yang serius tentang kurangnya penghargaan dan ganjaran ekonomi bagi pekerja yang terlibat dalam kerja penjagaan, khususnya golongan wanita.

# UCAPAN PERASMIAN

**U**capan Perasmian telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor. Dalam ucapan

rasmi tersebut, beliau dengan penuh kesedaran memulakan dengan menyentuh tentang aspek perubahan lanskap masyarakat yang telah dipengaruhi oleh pandemik COVID-19, walaupun negara kini tidak lagi berada dalam suasana pandemik. Perubahan ini memperlihatkan keperluan untuk kita beradaptasi dengan keperluan terkini<sup>1</sup>. Kaedah ekonomi yang lebih menarik dan selaras dengan keadaan semasa perlu terus dibentuk, yang mana menurut beliau mencerminkan kecekapan dan ketangkasan negeri dan negara dalam mengendalikan cabaran serta peluang yang muncul sejajar dengan perkembangan global.



Dalam memperkukuhkan hujahnya, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari telah merujuk kepada kajian daripada Harvard dan pencapaian Claudia Coldin dalam konteks perbincangan ekonomi penjagaan. Beliau membawakan perspektif sejarah yang memberikan wawasan mengenai perubahan ketidakformalan kerja wanita yang meluas sejak dua abad lalu<sup>2</sup>. Beliau menggunakan perbandingan ini untuk menunjukkan bahawa status pekerjaan wanita dan keluarga (i) pernah sama taraf dengan lelaki dan tiadanya kesenjangan nyata seperti sekarang, dan (ii) adanya keperluan kita untuk merenung perubahan masyarakat yang membuatkan penjagaan keluarga terpisah dengan tuntutan industri. Justeru, dengan data dan kajian seperti ini, beliau mengingatkan yang peluang untuk perubahan ini adalah terbuka, meskipun akan tidak sempurna prosesnya.

Selanjutnya, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari menekankan pentingnya ekonomi penjagaan dengan merangkumi polisi yang sistematik, strategi yang jelas, dan pendekatan mendalam. Bagi beliau, tanpa kerangka kerja yang kukuh, wanita akan terkandas separuh jalan dalam memberikan sumbangan yang sepatutnya. Beliau turut menekankan bahawa kejayaan dalam bidang ekonomi penjagaan bukan tugas individu tetapi juga memerlukan sokongan dan keprihatinan

daripada pihak berkuasa yang berkaitan dan masyarakat. Oleh itu, perancangan dan implementasi polisi yang efektif menjadi asas dalam menyokong dan mendorong perkembangan sektor ini.

Sebelum menutup ucapan, beliau sempat menyoroti isu ketidakseimbangan kadar kelahiran yang menjadi cabaran ekonomi penjagaan. Dengan kadar kelahiran yang rendah, seperti contohnya 1.9 kelahiran pada tahun 2018, sementara jangka hayat rata-rata masyarakat meningkat sebanyak 2.5 tahun lebih tinggi daripada jangka hayat nasional, kedua-dua kumpulan iaitu golongan muda dan warga emas memerlukan penjagaan dan perhatian yang lebih intensif<sup>3</sup>. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari menggariskan pentingnya melibatkan kedua-dua kumpulan ini untuk memastikan produktiviti dan kesejahteraan mereka terjamin seperti mana disebut oleh YB Puan Anfaal sebelumnya.

Sebagai penutup ucapan, beliau mengingatkan bahawa ekonomi penjagaan bukanlah semata-mata tentang mencari keuntungan dan peluang perniagaan. YAB Dato' Seri Amirudin bin

Shari menekankan bahawa ia adalah untuk mencapai kestabilan komuniti dan negeri. Di sini, beliau menyentuh mengenai kemungkinan perangkaan enakmen dan undang-undang untuk membentuk landasan yang kukuh bagi pembangunan ekonomi penjagaan, sebagai matlamat jangka panjang<sup>4</sup>. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari turut mengakui bahawa proses ini akan ada cabaran dan mungkin melibatkan beberapa kesilapan, namun, beliau menyatakan bahawa itulah proses pembelajaran dalam mencorakkan bidang yang baru dan harus dijalani sebagai tanggungjawab bersama.

Selanjutnya, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari menekankan pentingnya ekonomi penjagaan dengan merangkumi polisi yang sistematik, strategi yang jelas, dan pendekatan mendalam. Bagi beliau, **tanpa kerangka kerja yang kukuh, wanita akan terkandas separuh jalan** dalam memberikan sumbangan yang sepatutnya.

1 Beliau menegaskan supaya misi Smart State 2016 terus dijalankan dan disesuaikan untuk memastikan ekonomi negeri Selangor tidak hanya relevan tetapi juga mampu memenuhi keperluan baru yang timbul.

2 Beliau menekankan tentang bagaimana wanita pada kurun 1790-1825 dahulu, terutamanya dalam bidang pertanian, memiliki kedudukan yang setaraf dengan lelaki dalam aspek gaji, ruang, dan masa bekerja. Wanita pada tempoh tersebut tidak hanya menyara diri sendiri tetapi juga memberikan sumbangan yang signifikan kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, dengan berkembangnya Revolusi Industri, terutamanya dengan kemunculan mesin wap dan sektor perkilangan, kerja wanita semakin terpisah dari rumah. Faktor-faktor ketenteraan semasa perang turut memainkan peranan penting dalam menjauhkan wanita daripada bidang-bidang tertentu. Perbandingan ini menggambarkan perubahan dramatik dalam peranan dan lokasi kerja wanita sepanjang sejarah, membawa kepada refleksi tentang impak perkembangan industri dan kemonotan terhadap struktur pekerjaan dan peranan gender dalam masyarakat.

3 Sebagai ilustrasi, beliau memberi perbandingan dengan data negara Jepun yang memberikan insentif sebanyak RM1000 sebulan untuk menyokong penjagaan keluarga, sebagai contoh yang boleh diambil untuk merangsang ekonomi penjagaan di Selangor.

4 Beliau turut memberikan contoh undang-undang yang mungkin diperlukan untuk membenarkan ekonomi penjagaan dilaksanakan daripada rumah.



**P**rof. Emeritus Datuk Dr. Norma binti Mansor, Pengarah Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial, Universiti Malaya, meneruskan acara dengan membincangkan isu-isu berkaitan dengan ekonomi penjagaan, dengan penekanan pada kesediaan dan harapan bagi Malaysia.



Prof Emeritus Datuk Dr. Norma binti Mansor memulakan sesi pembentangannya dengan mengemukakan dengan teliti definisi ekonomi penjagaan dan dengan penuh kefasihan menjelaskan bagaimana sektor ini memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat kita. Melalui penerangan yang mendalam, beliau menyelami konsep-konsep utama ekonomi penjagaan, menggarisbawahi impaknya yang meluas dan merangkumi aspek-aspek kehidupan harian.

Selain itu, Prof Emeritus Datuk Dr. Norma turut membincangkan secara terperinci kepentingan Negeri Selangor bersiap sedia dalam menghadapi cabaran ekonomi penjagaan yang semakin kompleks. Beliau menyoroti langkah-langkah proaktif dan inovatif yang telah diambil oleh kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan struktur ekonomi yang responsif terhadap keperluan semasa, khususnya dalam konteks penjagaan.

Dalam bahagian seterusnya, Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma binti Mansor memaparkan analisis yang mendalam tentang piramid populasi dan isu-isu yang berkaitan dengan pertumbuhan penduduk. Dengan penuh ketajaman, beliau menekankan bahawa kadar kelahiran yang rendah telah mencetuskan peningkatan dalam bahagian populasi yang berusia lebih 60 tahun. Peningkatan ini tidak hanya memberi impak kepada umur produktif, tetapi turut meruncingkan isu kemerdekaan kewangan individu yang bekerja dalam tempoh ini.

Beliau juga berkongsi data yang menggambarkan peningkatan pesakit berusia, menyoroti bagaimana fenomena ini menimbulkan tekanan signifikan terhadap sistem penjagaan kesihatan dan

kewangan pesakit secara keseluruhan. Dalam konteks Negeri Selangor, Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma menyentuh aspek pertumbuhan pesat dalam jumlah warga tua, walaupun kadar ini masih berada pada tahap rendah sekitar 7.7%.

Namun, pertumbuhan pesat ini menunjukkan potensi untuk sektor ekonomi penjagaan, walaupun mungkin memerlukan masa yang agak lama untuk berkembang sepenuhnya. Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor menyatakan bahawa dengan perubahan dalam struktur demografi, masyarakat kita perlu bersedia untuk menghadapi cabaran ini. Beliau turut mengutarakan soalan-soalan penting mengenai persiapan dan wawasan yang dimiliki terhadap masa depan Malaysia, misalnya inklusiviti negeri untuk menangani isu berkaitan penuaan. Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma menekankan bahawa ia bukan idea baharu tetapi sebahagiannya penting dalam struktur masyarakat kita. Beliau menghubungkan antara amalan penjagaan sepanjang sejarah, seperti penjagaan kanak-kanak yang melibatkan komuniti di mana sebagai peralihan kontemporari, contoh ini boleh dibawa untuk penjagaan warga emas.

Ucapan diteruskan dengan merangkumkan dividen demografi yang berlaku akibat kadar kelahiran yang rendah, membolehkan pertumbuhan

ekonomi yang lebih besar dengan jumlah penduduk yang lebih kecil. Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma membincangkan struktur piramid penduduk yang berubah, menekankan peningkatan individu berusia yang perlu difikirkan seperti jangkaan hayat dan peningkatan yang ketara dalam populasi warga emas. Dalam menjelaskan implikasi ekonomi, beliau menghubungkan populasi yang semakin tua dengan ekonomi penjagaan, menyatakan bahawa ia harus menjadi inti perancangan pembangunan bukannya agenda yang berasingan. Perubahan pantas dalam demografi yang merujuk kepada warga emas ini akan memberi kesan terhadap kewangan dan kebergantungan. Ini diperlihatkan melalui data yang menunjukkan peratusan individu berpendapatan rendah dan kebergantungan terhadap pendapatan mereka, yang mendedahkan masalah kesenjangan pendapatan dan sokongan terhadap golongan rentan.

Beliau menyuarakan kebimbangan mengenai akibat perubahan demografi yang cepat ini, termasuk impaknya ke atas produktiviti. Merujuk anggaran Bank Dunia, beliau menekankan adanya keperluan mengubah dasar untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh populasi lanjut usia yang tidak produktif. Isu ini, menurut beliau, akan memberi kesan kepada sokongan dan latihan yang disediakan untuk tenaga penjaga, memandangkan ada isu kesihatan

dan keterlantaran warga emas yang tidak lagi produktif. Isu ini boleh dilihat dari dua aspek, iaitu kerajaan sebagai pihak yang mengawal dan merancang dasar serta tanggungjawab keluarga dalam membantu mereka yang memerlukan penjagaan. Di sini, beliau membincangkan isu kesenjangan penjagaan, menekankan bahawa tanggungjawab itu melibatkan bukan sahaja keluarga tetapi juga perlu menjadi fokus utama perancangan kerajaan dan ekonomi apabila Malaysia menuju negara tua.

Aspek penjagaan warga emas ini juga dikaitkan dengan perbezaan pendapatan dalam kalangan golongan warga emas dan keperluan perlindungan sosial. Dicadangkan bahawa perlindungan sosial perlu diberi penekanan dan dianggap sebagai hak asasi untuk semua rakyat. Pelbagai pendekatan diusulkan oleh beliau, termasuk peningkatan keselamatan sosial, insurans sosial, dan peningkatan polisi buruh. Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor juga mengesyorkan pendekatan kitar hayat (life cycle) yang merangkumi semua fasa kehidupan, dan tidak lagi hanya mengikut kelas ekonomi semata-mata untuk diberikan.

Beliau juga menyuarakan keperluan untuk menguatkuasakan akta kerja sosial dan melindungi para penjaga dalam keluarga. Keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak dan warga tua perlu menjadi keutamaan

dalam membina masyarakat yang penyayang. Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor juga menekankan perlunya promosi ekonomi komuniti yang dapat membantu warga tua menjadi produktif dalam masyarakat dalam usaha menuju negara tua ini.

Perbincangan diakhiri dengan penerokaan manfaat potensi pelaburan dalam ekonomi penjagaan, seperti cadangan menggunakan sumber yang belum banyak diteroka (sebagai contoh, kepakaran warga emas) dan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi. Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma menekankan kepentingan untuk melihat ekonomi penjagaan bukan sebagai kos tetapi sebagai pelaburan untuk masa depan negara. Akhirnya, beliau menyoroti kepentingan rangka kerja perlindungan sosial yang kukuh untuk rakyat, merangkumi kedua-dua keselamatan sosial dan perkhidmatan. Beliau menekankan bahawa kesediaan ini akan memberi manfaat kepada golongan rentan dan menjadikan negara kita lebih produktif dengan melibatkan lebih ramai wanita dalam sektor pekerjaan.



Kadar kelahiran yang rendah telah mencetuskan peningkatan dalam bahagian populasi yang berusia lebih 60 tahun. **Peningkatan ini tidak hanya memberi impak kepada umur produktif**, tetapi turut meruncingkan isu kemerdekaan kewangan individu yang bekerja dalam tempoh ini.



# PEMBENTANGAN

Kertas Kerja & Dialog



# Pembentangan Kertas Kerja 1

## Pemeriksaan Tenaga Kerja Penjaga Dalam Ekonomi Penjagaan

Oleh Dr Haniza Khalid, Mantan Pegawai Kanan Pembangunan Ekonomi, United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia

**D**r Haniza Khalid menumpukan topik utama pembentangan mengenai cara pandang masyarakat ekonomi penjagaan. Pada bahagian pertama kertas kerja ini, penekanan diberi kepada peranan penjagaan dalam aspek bukan sahaja fizikal, tetapi juga emosi. Beliau menekankan bahawa penjagaan tidak boleh dianggap sebagai entiti yang boleh dikilangkan (*manufactured*), atau menjadi sesuatu yang berkaitan dengan benda fizikal semata-mata. Penjagaan adalah penting kerana ia turut membentuk sahsiah. Penjagaan yang disediakan secara berbayar atau sebagai transaksi adalah penting dalam memastikan kualiti yang terbaik, dan ia juga mempunyai kesan ke atas sektor ekonomi lain (*externality effect*).

Kertas kerja turut membincangkan pelbagai segmen tenaga penjaga, termasuk perkhidmatan perubatan, pendidikan, budaya, dan pemakanan. Terdapat pelbagai bentuk perbezaan dalam jenis penjagaan yang diperlukan, dan tidak ada satu kaedah yang sesuai bagi semua situasi. Dalam bahagian ini, cabaran yang dihadapi oleh tenaga kerja penjaga yang tidak berbayar turut ditekankan, termasuk kos bayangan, persepsi, dan kos yang tidak boleh diukur. Kualiti perkhidmatan penjagaan antara penjaga keluarga dan perkhidmatan swasta juga menjadi tumpuan, dan perbezaan antara kedua-duanya diperincikan.

# Pembentangan

Dr. Haniza memulakan pembentangan beliau dengan data bahawa wanita di serata dunia memberikan sumbangan yang signifikan dalam kerja penjagaan, dengan wanita di Malaysia meluangkan masa sebanyak 4 jam 32 minit sehari untuk tugas tersebut berbanding lelaki yang hanya memperuntukkan 1 jam 24 minit sehari. Data daripada *International Labour Organization* (ILO) ini disokong dengan data daripada *Khazanah Research Institute* (KRI) yang mana di Malaysia, wanita memperuntukkan 3.6 jam sehari untuk kerja penjagaan berbanding lelaki hanya 2.5 jam. Dr. Haniza Khalid mengutarakan keprihatinan terhadap kualiti dan keselamatan dalam sektor kerja penjagaan ini. Beliau menyoroti isu beban berganda dihadapi oleh wanita yang bekerja sepenuh masa dan, pada masa sama, menanggung tanggungjawab domestik. Hal ini menunjukkan keperluan pemerksaan tenaga kerja penjaga yang tidak lagi boleh dilihat sebagai tugas wanita sahaja, memandangkan penjaga juga memerlukan penjagaan sebagai individu. Hal ini dikaitkan dengan definisi yang ditekankan Dr Haniza di mana penjagaan melibatkan hal fizikal dan mental yang penting untuk membina individu sesebuah masyarakat, meskipun kesan ini tidak dapat diukur secara material. Beliau turut menekankan tentang mentaliti

ekonomi penjagaan sama ada kerja penjagaan bagi penjaga yang dibayar atau tidak dibayar ini perlu dilihat bukan semata pada transaksi sahaja, tetapi pada sumbangannya kepada kesan luaran kepada industri lain (*externality effect*).

Antara poin signifikan dalam pembentangan Dr Haniza adalah pada butiran besarnya segmen dalam industri ekonomi penjagaan ini iaitu pendidikan kanak-kanak yang terbahagi kepada banyak segmen, penjagaan warga emas yang mengikut kategori penjagaan berbeza (penjagaan jangka panjang, penjagaan untuk warga emas yang mempunyai masalah mental atau fizikal), penjagaan rehabilitasi, penyediaan makanan, pengangkutan, sokongan mental dan budaya, keperluan rumah dan sokongan bantuan kesihatan luar-klinik. Setiap segmen ini memerlukan sumber berbeza (kelainan tenaga, kelainan bayaran/ sukarela, kelainan kepakaran, kelainan masa, kelainan skala, dan lain-lain), justeru memerlukan pengurusan yang berbeza.

Beliau kemudian membentangkan tentang kepentingan penjagaan tidak berbayar dan dikira sebagai kerja di bawah ekonomi penjagaan. Beliau menyebut tentang kos bayang-bayang (*shadow cost*) daripada kerja tidak berbayar ini yang sebenarnya kos tersebut telah ditanggung secara percuma. Di sini, beliau menekankan



Beliau menyoroti isu beban berganda yang dihadapi oleh wanita yang bekerja sepenuh masa dan, pada masa yang sama, menanggung tanggungjawab domestik. **Hal ini menunjukkan keperluan pemerkasaan tenaga kerja penjaga yang tidak lagi boleh dilihat sebagai tugas wanita sahaja**, memandangkan penjaga juga memerlukan penjagaan sebagai individu.



tentang kesukaran menjejak kerja-kerja tidak terkategori seperti ini kerana tiada implikasi cukai ke atas mereka. Di sini, sebagai nota tambahan, kerja berbayar boleh menjadi lebih baik berbanding kerja tidak berbayar memandangkan hambatan dan cabaran kepada penjaga tidak berbayar, yang memberi kesan kepada kualiti penjagaan juga.

Daripada segi ekonomi penjagaan, kerja penjagaan juga sebenarnya memberi implikasi ekonomi berbeza kepada wanita sama ada tidak berbayar atau berbayar. Pertamanya, untuk penjaga tidak berbayar, beliau berkongsi tentang risiko peminggiran mereka daripada sokongan ekonomi juga memandangkan kerja penjagaan ini tidak diiktiraf: justeru, mereka tiada simpanan persaraan, sokongan rehat yang jelas, dan lain-lain. Pada satu sisi lain untuk penjaga yang majoriti wanita, kesan ekonomi dilihat membuatkan wanita terbeban sendirian, yang turut membawa kepada kesan ekonomi lain seperti *underemployment*, pengaliran tenaga produktif kepada sektor yang kurang produktif, atau beban berganda kepada yang bekerja serta menjaga. Pilihan-pilihan ekonomi ini juga disebut sebagai pilihan keluarga, bukan sahaja pilihan individu wanita tersebut, yang mana perkara ini perlu difikirkan memandangkan penyertaan tenaga buruh wanita hanya pada 55.6% meskipun tahap pendidikan yang tinggi dalam kalangan wanita<sup>5</sup>.

Beliau menekankan bahawa ekonomi penjagaan ini tidak boleh dilihat daripada kaca mata gender sahaja tetapi suatu realiti untuk menghadapi negara tua, memandangkan kadar penuaan di Malaysia adalah pesat berbanding negara tua lain. Beliau turut menekankan kepentingan ekonomi penjagaan daripada kesan pengabaian seperti kes-kes jenayah melibatkan anak jagaan (didera atau meninggal dunia di tempat jagaan), kualiti penjagaan peribadi di rumah yang rendah, stigma yang masih berkisar tentang ekonomi penjagaan, dan keciciran penjagaan di luar sektor formal<sup>6</sup>.

Seterusnya, beliau membincangkan tentang pengagihan kerja penjagaan yang juga disebut oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Norma Mansor yang boleh juga diperkasa melalui sektor swasta<sup>7</sup>, komuniti dan negara. Di sini, beliau membentangkan 5 langkah/saranan untuk ekonomi penjagaan: (i) mengiktiraf ekonomi penjagaan, (ii) mengurangkan beban kerja penjagaan melalui teknologi, kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik, (iii) mengagih semula kerja penjagaan, (iv) memberikan ganjaran, sokongan dan status yang sewajarnya dalam masyarakat kepada penjaga, dan (v) memastikan perwakilan suara yang adil dalam sektor ini. Selain itu, pertimbangan untuk pertumbuhan pekerja penjagaan juga perlu dipertimbangkan. Dalam masa berbaki, beliau juga mencadangkan beberapa pendekatan bagi memperkasa ekonomi

penjagaan ini, termasuk pelaburan dalam kemudahan kerja baru (yang masih rendah kini), akses untuk mendapatkan penjagaan berkualiti dan mampu milik, peningkatan latihan asas<sup>8</sup>, dan penggunaan teknologi dalam penjagaan. Di sini beliau mengemukakan mengenai kesukaran membina pasaran ekonomi penjagaan kerana sukar untuk mengukur kualiti dalam sektor ini, yang akhirnya membawa ekonomi penjagaan terhad kepada sektor awam semula<sup>9</sup>.

Bagi pemerksaan ekonomi penjagaan berbayar, Dr Haniza sempat berkongsi beberapa cabaran yang perlu dilihat dan diperkasa. Pertamanya, nisbah penjaga kepada yang dijaga adalah amat tinggi yang boleh membawa kesan bebanan berlebihan, ketiadaan sistem ekonomi yang jelas (daripada segi gaji, cuti, dan lain-lain), kekurangan latihan dan kemudahan, keselamatan yang rendah, ketiadaan kepercayaan, dan stigma pekerjaan. Beliau juga menambah peluang yang perlu diambil untuk membina ekonomi penjagaan berbayar ini, seperti (i) kenaikan permintaan kepada

penjagaan, (ii) peningkatan kekayaan, dan (iii) perubahan perbandaran dan demografi.

Beliau turut berkongsi secara ringkas, cadangan untuk pemerksaan ekonomi penjagaan secara umum kepada penjaga berbayar atau tidak berbayar, iaitu: (i) memperkukuh polisi dan program kerajaan tentang ekonomi penjagaan (daripada sudut tenaga, skop kerja, dan bantuan), (ii) memperluaskan peluang latihan, gaji dan pampasan, (iii) perkongsian awam dan swasta bagi semua lokasi untuk perluasan akses, (iv) menyediakan ekosistem ekonomi penjagaan, (v) memudahcara dan menyelia aktiviti komersial penjagaan, dan (vi) meningkatkan keyakinan masyarakat untuk melabur.

Sebelum berakhir, Dr Haniza menekankan kepentingan kerjasama dalam mengatasi cabaran dalam ekonomi penjagaan. Pengiktirafan kerja penjagaan sebagai perkhidmatan awam yang memberi faedah kepada keseluruhan ekonomi adalah sesuatu yang perlu diperhalusi.

5 Antara isu ekonomi yang Dr Haniza sebut daripada keadaan ini ialah (i) wanita akan mencari keanjalan kerja meski mengorbankan kenaikan pangkat dan (ii) penerimaan gred gaji lebih rendah untuk keanjalan kerja.

6 Beliau menyebut tentang *immature care* disebabkan keciciran penjagaan adalah seperti penjagaan pesakit luar hospital yang lama

7 Di sini, beliau memberi penekanan kepada pemerksaan sektor swasta memandangkan status negara dan masyarakat yang telah meningkat kuasa belinya (*purchasing power*)

8 Disebut di sini, jika ekonomi penjagaan diperkasa, sebanyak 425 juta pekerjaan mampu ditawarkan kepada semua lapisan masyarakat.

9 Dr Haniza juga menyebut tentang kepentingan khidmat pelanggan memandangkan sektor ini sangat berorientasikan manusia.

## Sesi Soal Jawab

Berikut merupakan butiran sesi soal jawab.

Soalan	Respon
<p>Peserta berkongsi bahawa bukan mudah mengekalkan kestabilan emosi. Dalam masa yang sama mereka perlu memastikan pekerjaan mereka tetap dijalankan secara berterusan. Mereka mengharapkan supaya ada pihak yang faham dan belas kasihan kepada mereka.</p> <p>Beliau mencadangkan supaya pihak berwajib memberikan sokongan dan latihan untuk penjaga. Ini bagi memastikan penjaga dapat menjaga kestabilan emosi dan mengelakkan <i>burn out</i> dalam kalangan mereka.</p>	<p>Dr Haniza Khalid memberikan pandangan mengenai jasa dan peranan penjaga tidak berbayar dan sukarela ini. Justeru, beliau menggalakkan supaya ekonomi penjagaan ini diperkasakan dan mengiktiraf peranan mereka.</p> <p>Dr Haniza juga menekankan tentang peri pentingnya setiap masyarakat bekerjasama supaya bidang ekonomi penjagaan ini menjadi lebih luas dan berdaya saing.</p>

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya bagaimana kita mengimbangkan nilai masyarakat terhadap penjagaan dengan nilai ekonomi dalam membawa naratif penjagaan kepada rakyat Selangor?</p>	<p>Dr Haniza menjelaskan bahawa, perlunya penekanan elemen pilihan dan pasaran untuk kerja penjagaan. Pembinaan pasaran dalam ekonomi penjagaan bagi menarik minat dan bakat serta tenaga kerja yang mampan. Pasaran ini juga perlu menekankan bahawa pilihan dalam ekonomi penjagaan ini adalah kerja yang baik. Nilai kekeluargaan yang sudah ada dalam masyarakat itu diperkasa dalam ekonomi penjagaan kerana setiap keputusan mikro dalam keluarga perlu disokong dan ditunjukkan bahawa sebenarnya ada banyak pilihan dalam ekonomi penjagaan ini. Melainkan menurut Dr Haniza, jika kita menuju khidmat tiada-kemanusiaan (<i>non-human touch</i>) untuk menggantikan peranan manusia untuk menjaga manusia. Namun beliau akui yang nilai dan kualiti masyarakat belum sampai hingga ke situ. Jadi, di situlah, nilai masyarakat ini masih diperlukan dalam nilai ekonomi untuk ekonomi penjagaan.</p>

## Pembentangan Kertas Kerja 2

# Akses Pengasuhan & Penjagaan Kanak-kanak untuk Semua: Kualiti, Kemampuan dan Kebolehcapaian Sebagai Batu Asas

Oleh Datin PH Wong, Pengarah Eksekutif, Childline Foundation

**D**atin PH Wong membuka sesi dengan memberikan penekanan pada penggunaan terminologi yang betul dalam konteks pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak, serta **kepentingan penggunaan istilah yang tepat, seperti “pengasuhan” untuk anak-anak di bawah usia 4 tahun, dan turut menyelitkan bahawa konsep “pusat penjagaan” melibatkan semua pihak, termasuk ibu bapa, dan mempunyai impak yang meluas**

**dalam masyarakat.**

Pembentangan Datin PH Wong merangkumi isu-isu berkaitan pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak sebagai asas serta ekonomi penjagaan. Beliau juga memberi tumpuan dalam mengetengahkan cabaran dan solusi bagi memajukan sektor ini. Menurut beliau lagi, penjagaan berkualiti dan menyeluruh bagi kanak-kanak akan memberikan kesan positif kepada generasi masa depan.

## Pembentangan

Dalam pembentangannya, Datin PH Wong menjelaskan mengapa pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak sangat penting. Beliau membandingkannya dengan profesion seperti pengacara dan

doktor, di mana para pengasuh dan penjaga kanak-kanak mempunyai tanggungjawab yang serupa dalam penjagaan kanak-kanak. Selain itu, beliau menggambarkan tahap awal perkembangan otak kanak-kanak, yang

mencapai puncak perkembangannya dalam lima tahun pertama kehidupan mereka. Justeru, beliau menegaskan tentang peri pentingnya pelaburan dalam kesejahteraan kanak-kanak, terutamanya semasa mereka masih bayi.

Datin PH Wong juga berkongsi tentang konsep "*First 1000 Days*," yang amat penting dalam perkembangan otak kanak-kanak. Dalam tempoh ini, terdapat waktu sensitif yang mempengaruhi perkembangan otak kanak-kanak. Beliau juga membincangkan bagaimana pengasuhan yang sempurna memberikan rangsangan emosi yang baik untuk otak bayi, dan pengabaian kanak-kanak akan menghalang perkembangan ini. Kanak-kanak yang mengalami stress yang keterlaluan pada tahun-tahun awal mereka membesar, mempunyai risiko yang lebih tinggi mengalami pelbagai kesulitan kognitif, tingkah laku, dan emosi. Tidak hanya itu, Datin PH Wong juga menekankan keperluan memberi perhatian kepada nutrisi, kesihatan, perlindungan, dan stimulasi dalam penjagaan dan perkembangan kanak-kanak pada tahun-tahun awal mereka membesar.

Selain itu, Datin PH Wong berkongsi data mengenai populasi Selangor dan anggaran jumlah kanak-kanak di bawah usia 4 tahun. Beliau juga membincangkan statistik mengenai jumlah taska berdaftar



dan kesulitan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan dan berkualiti. Menurut beliau, salah satu cabaran adalah bahawa taska swasta seringkali tidak menerima subsidi daripada kerajaan, dan ibu bapa juga menghadapi kesukaran dalam membayar kos penjagaan kanak-kanak.

Selain itu, kekurangan tenaga kerja berkelayakan menjadi satu lagi halangan dalam menyediakan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti. Datin PH Wong menekankan bahawa sekurang-kurangnya seorang individu perlu memiliki diploma jika ingin menjadi pengasuh kanak-kanak. Beliau juga menambah bahawa pendaftaran taska yang sukar dan insentif cukai yang kurang menarik bagi syarikat adalah antara sebab kemudahan penjagaan kanak-kanak tidak diambil berat.

Dalam usaha untuk merumuskan penyelesaian, Datin PH Wong mengemukakan beberapa cadangan. Beliau menyatakan keperluan perancangan jangka panjang dan pengumpulan data yang tepat untuk membentuk dasar yang efektif. Beliau juga menggalakkan kerjasama antara pelbagai pihak, termasuk kementerian dan organisasi swasta.

Datin PH Wong juga menekankan kepentingan sokongan dan penyertaan sektor swasta dalam menyediakan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan dan berkualiti. Beliau turut mencadangkan penubuhan “trust fund” untuk memberikan subsidi kos penjagaan kanak-kanak yang boleh menjadi rakan kerjasama antara sektor awam dan swasta. Selain itu, beliau juga membincangkan keperluan perubahan dalam peraturan dan undang-undang yang mengatur sektor penjagaan kanak-kanak. Beliau mencadangkan

perubahan dasar yang memudahkan pendaftaran taska.

Dalam usaha untuk memperbaiki ekonomi penjagaan kanak-kanak, Datin PH Wong mencadangkan penubuhan kumpulan kerja pelbagai pihak untuk sektor penjagaan kanak-kanak. Beliau juga mencadangkan perubahan dasar dan undang-undang yang mengatur industri penjagaan. Selain itu, beliau mencadangkan pengiktirafan taska dan pusat penjagaan sebagai “perkhidmatan penting” serta peninjauan insentif cukai untuk sektor korporat yang menyokong penjagaan kanak-kanak.

Sebelum berakhir, Datin PH Wong menegaskan bahawa negeri Selangor harus memimpin dalam menyediakan penjagaan awal kanak-kanak yang berkualiti. Matlamatnya adalah untuk mencipta dasar dan strategi yang komprehensif dan menyeluruh untuk sistem pendidikan kanak-kanak melalui kerjasama antara sektor awam dan swasta. Menurut beliau lagi, tindakan ini akan menyokong pencapaian SDG 17, bagi mendorong pembangunan yang mampan melalui kerjasama antara sektor awam dan swasta. Dengan tekad dan kerjasama pelbagai pihak mewujudkan visi ini, Datin PH Wong percaya, Selangor mampu menjadi peneraju dalam menyediakan penjagaan awal kanak-kanak yang berkualiti, yang akan membawa manfaat besar kepada masyarakat Selangor.



## Sesi Soal Jawab

Berikut merupakan butiran sesi soal jawab.

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya adakah kita perlu menubuhkan majlis tindakan kanak-kanak di Selangor untuk menyelesaikan masalah pengasuhan di Selangor?</p>	<p>Menurut Datin PH Wong, isu pengasuhan dalam kalangan kanak-kanak adalah sesuatu yang sangat penting,. Untuk memajukan konsep penjagaan ekonomi, bagi beliau, perlu ada pembentukan sebuah Majlis Tindakan yang dapat memerhati dan mengurus masalah ini secara efisien, selain adanya keperluan untuk mempunyai badan pusat yang bertanggungjawab bagi menyelaraskan dasar-dasar berkaitan dengan isu ini. Selain itu, kerjasama dengan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) boleh juga diambil kira. Beliau menekankan bahawa penglibatan badan-badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil dalam usaha menangani isu pengasuhan dalam kalangan kanak-kanak adalah amat penting. Kerjasama ini boleh membantu dalam penyelarasan usaha-usaha dan sumber-sumber yang ada untuk menyelesaikan masalah ini secara lebih efektif.</p>
<p>Peserta bertanya bagaimanakah kerajaan negeri boleh memudahkan proses pendaftaran taska di rumah?</p>	<p>Datin PH Wong merespons dengan cadangan kepada kerajaan negeri yang sebenarnya boleh memudahkan prosedur-prosedur dengan tidak menyulitkan agensi dalam hal teknikal untuk mendaftar taska di rumah. Beliau memetik Seksyen 16, dalam Akta Taska, yang membenarkan Menteri membuat peraturan untuk pendaftaran dan lesen. Sekiranya kerajaan negeri dapat menggalakkan perubahan ini, ia boleh memudahkan proses pendaftaran taska di rumah.</p>

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya sejauh manakah penguatkuasaan berkaitan dengan peraturan yang membenarkan tiga orang kanak-kanak dijaga oleh pengasuh di rumah, seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)?</p>	<p>Datin PH Wong merespon dengan menyatakan fakta bahawa sebenarnya JKM melaksanakan penguatkuasaan secara tegas. Banyak daripada mereka yang mempunyai taska penjagaan kanak-kanak di rumah telah ditutup kerana operasi secara haram atau mereka menjaga lebih daripada tiga kanak-kanak. Menurut beliau, tindakan ini diambil kerana apabila tiada lesen diperolehi, minimum standard tidak akan dipenuhi dan tiada pengawasan terhadap kanak-kanak. Ini adalah sesuatu yang tidak boleh dibiarkan. Namun, beliau mengujarkan bahawa penyelesaian kepada masalah ini bukanlah dengan menutup terus taska penjagaan kanak-kanak di rumah, tetapi dengan memudahkan proses pendaftaran. Disebut bahawa perubahan drastik dalam undang-undang secara keseluruhannya tidak diperlukan, tetapi sebaliknya, boleh dibentuk peraturan yang lebih sesuai untuk taska penjagaan kanak-kanak di rumah. Taska yang ditubuhkan berdekatan dengan komuniti adalah penting, justeru penutupan taska penjagaan kanak-kanak di rumah bukanlah berita yang baik untuk komuniti. Selain itu, peraturan boleh dicipta untuk menjaga taska penjagaan kanak-kanak di rumah, dan kita tidak perlu terlalu terikat pada teknikaliti tertentu. Apa yang ditekankan beliau ialah perlu ada standard yang ditetapkan akan dapat menjaga keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.</p>

# Pembentangan Kertas Kerja 3

## Ke Arah Penuaan Lestari: Inovasi Sosial dan Masa Depan Penjagaan Warga Emas dalam Konteks Ekonomi Penjagaan

**Oleh Encik Chai Sen Thyng, Pegawai Penyelidik Kanan, Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing), Universiti Putra Malaysia (UPM)**

**P**embentangan kertas kerja En. Chai Sen Thyng adalah sebahagian daripada usaha untuk mengeksplorasi perubahan dalam komposisi demografi Malaysia yang berkaitan dengan populasi warga emas serta mencari penyelesaian inovatif dalam sektor penjagaan warga emas. Pembentangan kertas kerja ini turut

mencerminkan usaha berterusan untuk mencapai penuaan lestari dan memberi penekanan yang berterusan kepada keperluan warga emas dalam konteks ekonomi penjagaan. Ini adalah satu langkah penting ke arah memastikan kualiti perkhidmatan jagaan warga emas yang lebih baik dan berkesan.

### Pembentangan

Dalam pembentangan yang sangat informatif ini, En. Chai membincangkan masalah statistik populasi yang berkaitan dengan kemiskinan. Beliau menekankan kepentingan pemahaman statistik populasi yang berkaitan dengan penduduk tua yang semakin meningkat di Malaysia, di mana sebahagiannya bukan tinggal di rumah warga emas, tetapi bersama anak-anak.

Pembentangan ini turut menyoroti hubungan antara sektor asas dan perusahaan yang sedia ada dengan sektor penjagaan warga emas. **En. Chai menekankan betapa pentingnya pemahaman hubungan antara sektor-sektor ini dalam menyokong keperluan keluarga yang menjaga warga emas. Ini termasuk perubahan dalam sistem ekonomi dan**

## **bagaimana ia mempengaruhi kemampuan keluarga untuk menjaga warga emas mereka.**

En. Chai turut memberikan beberapa contoh inovasi sosial yang boleh membantu meningkatkan perkhidmatan penjagaan warga emas. Pembentangan ini menekankan pentingnya kerjasama antara kerajaan, sektor sukarela, dan sektor swasta dalam menyediakan sokongan yang lebih baik kepada warga emas. Ini merangkumi pelbagai aspek yang melibatkan warga emas, termasuk keperluan perubahan dalam pengurusan pusat jagaan dan perlunya penyelidikan lebih lanjut dalam bidang gerontologi.

Selain itu, En. Chai turut membincangkan isu-isu lain seperti kesulitan wanita dalam mencari pekerjaan, perbezaan dalam populasi warga emas di setiap negeri di Malaysia, dan bagaimana media sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan moden. Beliau menyoroti betapa pentingnya fokus kepada isu-isu relevan dan berusaha menangani kelemahan yang ada dalam sistem penjagaan warga emas.

Sebelum berakhir, En. Chai menggariskan kepelbagaian perkara penting yang telah dibincangkan. Beliau menyentuh aspek yang merangkumi pengumpulan data relevan dan pentingnya mengukur keberkesanan

program-program perkhidmatan sosial. Pembentangan ini juga merangkumi perubahan dalam struktur birokratik dan peraturan yang mempengaruhi sektor penjagaan dan kesejahteraan warga emas. En. Chai juga menyebut pentingnya perubahan dalam sistem ekonomi untuk menyokong inisiatif-inisiatif kesejahteraan dan untuk meningkatkan kualiti dalam perkhidmatan jagaan warga emas.



## Sesi Soal Jawab

Berikut merupakan butiran sesi soal jawab.

Soalan	Respon
<p>Peserta berkongsi pengalaman tentang bagaimana mereka menjaga Orang Kurang Upaya (OKU) dalam rumah penjagaan di Selangor. Mereka menekankan bahawa rumah penjagaan ini beroperasi berdasarkan konsep yang berbeza, bukan sebagai institusi, dan mereka telah menjaga OKU selama 60 tahun. Dalam tempoh ini, mereka mengakui bahawa reka bentuk rumah penjagaan mungkin tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa. Peserta berharap kerajaan Selangor dapat bekerjasama dengan rumah penjagaan ini untuk meningkatkan kemudahan dan penjagaan OKU. Mereka menekankan bahawa mereka bergantung kepada dana awam dan tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa depan. Oleh itu, satu cara untuk menjamin kelangsungan tempat mereka adalah dengan bekerjasama dengan rumah penjagaan yang sedia ada. Mereka juga menyuarakan keperluan untuk meningkatkan kualiti makanan bagi golongan warga emas.</p>	<p>En. Chai merespons dengan membawa kepada poin kepentingan mempunyai aset tanah dan rumah bagi membangunkan pusat jagaan menjadi isu utama yang dibincangkan<sup>10</sup>. Walau bagaimanapun, isu yang sering timbul adalah berkaitan dengan sumber kewangan. Sekiranya ada dana, sokongan, atau sumbangan diberhentikan, operasinya mungkin akan terjejas. Terdapat satu rumah penjagaan di Pulau Pinang menjadi contoh terbaik rumah penjagaan apabila mereka berjaya mengekalkan semua jururawat mereka semasa pandemik. Rumah ini menggunakan tanah yang digunakan sebagai ladang dan juga tapak sekolah. Sebaliknya, kebanyakan rumah penjagaan yang bergantung kepada amal jariah dan sumbangan peribadi terjejas. Oleh itu, jika kita ingin membincangkan mengenai penjagaan yang lestari, apa yang diperlukan adalah hasrat dan sokongan yang kukuh daripada pelbagai pihak. Ia adalah asas utama dalam usaha untuk memastikan penjagaan yang berkesan bagi golongan warga emas.</p>

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya bagaimanakah inovasi boleh membantu dalam penjagaan jangka panjang?</p>	<p>Banyak contoh yang diberikan oleh Encik Chai, di mana seperti di Jepun, penggunaan CCTV membolehkan pemantauan pergerakan yang boleh dikesan. Isu-isu penjagaan juga boleh diatasi melalui inovasi sosial, tetapi perlu dimulakan oleh kakitangan. Masalah ketidakstabilan kakitangan adalah isu yang sering berlaku, dengan tempoh perkhidmatan yang singkat sekitar 3 hingga 4 tahun. Ini berpunca daripada kebajikan pekerja kerana keadaan perniagaan yang tidak menentu. Kekurangan data industri menyukarkan usaha penyokong untuk mengenal pasti isu-isu yang perlu diselesaikan. Oleh itu, cadangan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah untuk mewajibkan pendaftaran pekerja penjagaan. Ini akan memberi panduan tentang prestasi industri penjagaan dan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang sumbangan sektor ini kepada ekonomi. Tanpa maklumat yang mencukupi, industri ini tidak akan berkembang. Pada masa yang sama, penting untuk kita mengambil kira sumbangan sektor penjagaan jangka panjang kepada ekonomi.</p>

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya bagaimana kerajaan boleh menggunakan dana untuk NGO dengan lebih strategik?</p>	<p>Encik Chai memberi komen bahawa dana tidak patut diasaskan pada bilangan pekerja sahaja, tetapi perlunya ukuran yang lebih tepat. Beliau turut meluaskan perbincangan dengan membawa pertimbangan kerajaan dalam memberi dana memandangkan kerajaan mempunyai had perbelanjaan. Penjagaan warga emas sering bergantung pada sumbangan amal, dan bukan isu kebajikan yang mudah untuk dinyatakan kepada perniagaan atau pendapatan. Walaupun pekerjaan penjagaan dianggap sebagai penjagaan profesional, ini bukan sahaja berkaitan dengan budaya. Realistiknya, menurut Encik Chai, ada juga cabaran pusat penjagaan yang mungkin kurang menawarkan aktiviti bermakna. Terdapat banyak perkara yang boleh dilakukan, tetapi penting untuk mengetahui strategi kerajaan, contohnya idea percukaian untuk sektor penjagaan<sup>11</sup>. Di Malaysia, adalah sukar untuk membincangkan tentang menaikkan cukai, justeru, kita perlu melibatkan lebih banyak pihak dan mencari cara untuk memperluaskan perkhidmatan ini.</p>

<sup>10</sup> Pada zaman dahulu, hampir kesemua aset ini dianggap sebagai milikan peribadi. Sektor penjagaan (yang dijalankan secara sukarela) memainkan peranan penting dalam memastikan dana dan sokongan kepada rumah penjagaan.

<sup>11</sup> Encik Chai menyebut tentang negara seperti Sweden mengenakan cukai sebanyak 40 peratus, dengan 20 peratus daripadanya digunakan untuk perkhidmatan sosial dan 10 peratus untuk insurans kesihatan. Sebagai contoh, mereka tidak perlu membayar untuk taska dan sebagainya.

# Pembentangan Kertas Kerja 4

## Memperkasa Kemandirian: Penyelesaian Penjagaan Holistik untuk Orang Kurang Upaya (OKU)

**Oleh Encik Zuhami bin Omar, Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

### Pembentangan

En. Zuhami memulakan pembentangan dengan mengetengahkan tajuknya, “Isu dan Cabaran Mendepani Penjagaan OKU di Malaysia.” Ini mencerminkan kesedaran beliau terhadap isu-isu yang sedang dihadapi oleh OKU di negara kita. Beliau juga menegaskan bahawa pembentangan ini bukan sekadar mengenai penjagaan OKU, tetapi juga aspek-aspek lain yang menjadi cabaran, pada peringkat negeri mahupun persekutuan.

Dalam pembentangannya, En. Zuhami membincangkan komitmen antarabangsa, nasional, dan dasar berkaitan dengan OKU. Beliau menekankan bahawa Malaysia telah menandatangani dan meratifikasi

Konvensyen Mengenai Hak OKU Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), menandakan perubahan paradigma dari pendekatan berdasarkan kebajikan kepada pendekatan berdasarkan hak. Ini adalah perubahan yang signifikan dalam cara kita memahami dan menyediakan perkhidmatan kepada OKU.

En. Zuhami juga merujuk kepada Akta Orang Kurang Upaya 2008, yang diwartakan pada 24 Januari 2008. Akta ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan, dan kesejahteraan OKU. Ini adalah satu-satunya dokumen undang-undang yang sah yang ada untuk membela masyarakat OKU



di Malaysia. Penyelarasan dengan dasar dan pelan tindakan OKU serta instrumen antarabangsa seperti Sustainable Development Goals dan Incheon Strategy turut ditekankan oleh En. Zuhami.

Dalam pembentangnya, En. Zuhami turut membincangkan perkhidmatan utama OKU, termasuk institusi OKU, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), taska OKU, dan lain-lain. Beliau menyoroti keperluan untuk menyediakan akses yang lebih baik kepada pendidikan, penjagaan, dan peluang pekerjaan untuk OKU. Dalam konteks ini, En. Zuhami menyentuh isu-isu yang mungkin menghambat peluang OKU dalam masyarakat.

Salah satu isu yang dibincangkan oleh En. Zuhami adalah isu pendaftaran OKU. Walaupun Malaysia mempunyai 7 kategori OKU, masih terdapat ketidakfahaman tentang subkategori OKU. Ini adalah isu penting kerana pemahaman yang tepat tentang subkategori OKU membolehkan penyediaan perkhidmatan yang lebih baik. Beliau juga menyoroti kepentingan mengetahui tahap keparahan OKU, yang dapat digolongkan sebagai ringan, sederhana, atau teruk, mengikut definisi *World Health Organization* (WHO). Menurut En. Zuhami, data yang tepat tentang jumlah OKU adalah penting untuk perancangan yang efisien dalam pembangunan negara.

En. Zuhami juga menekankan isu kebolehcapaian, yang bukan hanya penting untuk OKU tetapi juga untuk warga emas, ibu hamil, dan kanak-kanak. Kebolehcapaian kepada kemudahan awam perlu ditingkatkan dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu berperanan dalam usaha ini. Contoh yang baik adalah PBT di Selangor yang telah mendapat pengiktirafan sebagai pihak berkuasa tempatan yang menyediakan kebolehcapaian terbaik.

Isu pendidikan juga menjadi fokus dalam pembentangan ini. En. Zuhami menekankan kepentingan kerjasama dalam meningkatkan akses pendidikan OKU. Ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti pendidikan awal, kemasukan ke sekolah pendidikan khas, latihan pra-vokasional dan vokasional, serta akses kepada teknologi maklumat.

Selain itu, En. Zuhami juga membicarakan isu penjagaan OKU. Walaupun terdapat pusat-pusat pemulihan dan institusi OKU, masih terdapat ketidakcukupan penjagaan. Beliau mencadangkan penubuhan pusat jagaan harian dan berkediaman oleh individu atau NGO sebagai satu pendekatan untuk meningkatkan keterjangkauan OKU dalam pelbagai aspek penjagaan mereka.

En. Zuhami turut mengupas tentang isu pekerjaan OKU. Beliau menggariskan bahawa peluang pekerjaan untuk OKU masih rendah

berbanding dengan jumlah OKU yang memerlukan pekerjaan. Ini adalah cabaran yang perlu diatasi dengan cara mewujudkan dasar-dasar yang memberi peluang pekerjaan kepada OKU atau syarikat-syarikat yang memberikan insentif kepada mereka.

Untuk mengatasi isu-isu ini, En. Zuhami mencadangkan peningkatan kerjasama strategik antara pelbagai agensi dan NGO. Program advokasi dan pendidikan masyarakat boleh digunakan untuk meningkatkan pendaftaran OKU dan kesedaran tentang isu-isu ini. Selain itu, peningkatan kebolehpasaran, pendidikan, penjagaan, dan peluang pekerjaan OKU perlu diberi perhatian

dalam rancangan pembangunan yang sesuai.

Dalam kesimpulannya, En. Zuhami menumpukan pembentangnya kepada isu-isu yang penting berkaitan dengan penjagaan OKU di Malaysia. Cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah langkah-langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan kualiti hidup OKU, memperkukuhkan kemandirian mereka, dan memastikan mereka mendapat penjagaan holistik yang mereka perlukan. Dengan usaha bersama daripada pelbagai pihak, Malaysia boleh menjadi negara yang lebih inklusif dan penyayang terhadap OKU.



Beliau menekankan bahawa **Malaysia telah menandatangani dan meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak OKU Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**, menandakan perubahan paradigma dari pendekatan berdasarkan kebajikan kepada pendekatan berdasarkan hak.

## Sesi Soal Jawab

Berikut merupakan butiran sesi soal jawab.

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya bolehkah pesakit paliatif didaftarkan sebagai OKU fizikal/ pelbagai? Mereka mempunyai diagnosis penyakit yang mengancam nyawa/tiada harapan untuk sembuh</p>	<p>Menurut Encik Zuhami, pihak yang menentukan sama ada seseorang boleh didaftarkan sebagai OKU adalah pihak kesihatan, terutamanya doktor. Jika doktor mengesahkan bahawa seseorang adalah OKU, tidak seharusnya terdapat masalah dalam proses pendaftaran.</p>
<p>Peserta bertanya mengenai kesedaran tentang golongan golongan Autisme lebih meluas daripada OKU lain, kerana peranan berkaitan dengan advokasi masyarakat dan kesedaran ini telah tersebar melalui media sosial seperti TikTok dan perkongsian anak-anak dan ahli keluarga. Manakala bagi OKU lain, kesedaran ini kurang dikenali kerana kurang popular. Oleh itu, apakah inisiatif yang akan diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan kesedaran ini?</p>	<p>Mengikut pemerhatian dan kajian yang dilakukan, masyarakat selalu mendengar tentang Autisme kerana kebanyakan individu OKU yang memiliki kecerdasan tinggi adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai Autisme. Mereka inilah yang sering memasuki universiti awam dan swasta. Menurut kajian En. Zuhami juga, sebahagian besar anak OKU yang berdaftar adalah golongan Autisme. Namun, penekanan dan perhatian juga perlu diberikan kepada golongan OKU lain, seperti yang mungkin mempunyai Sindrom Down. Keadaan ini perlu diperbetulkan. Selain itu, timbul juga masalah dalam pendaftaran di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), apabila ibu bapa tidak mendaftarkan anak mereka sebagai OKU, lalu mengakibatkan sedikit kesukaran dalam memberikan sokongan yang diperlukan. Justeru, kesedaran ini perlu ditingkatkan dan tindakan perlu diambil bagi memastikan semua golongan OKU mendapat perhatian dan sokongan yang selayak dan sepatutnya..</p>

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya adakah pekerja OKU di institusi kerajaan mencukupi? Apakah jumlah pekerja institusi swasta? Dan siapa yang memantau sektor swasta?</p>	<p>Encik Zuhami merespons dengan menyatakan bahawa Malaysia mempunyai dasar yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya satu peratus pekerjaan di sektor awam perlu disediakan untuk OKU. Sehingga kini, hanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta beberapa kementerian lain yang telah mencapai sasaran ini. Namun, walaupun sasaran ini telah ditetapkan, terdapat beberapa bahagian kerja yang lebih sesuai untuk OKU, bergantung kepada jenis pekerjaan. Di sektor swasta pula walaupun terdapat pekerjaan yang sesuai untuk OKU, tidak ada dasar yang menggariskan berapakah bilangan minimum pekerja OKU yang perlu ada dalam sektor swasta<sup>12</sup>.</p>

<sup>12</sup> Sebagai perbandingan, Encik Zuhami berkongsi tentang negara seperti Thailand yang menetapkan sasaran bahawa sekurang-kurangnya satu peratus pekerjaan dalam kedua-dua sektor, awam dan swasta, harus disediakan untuk OKU. Thailand juga mengenakan penalti jika sasaran pekerja OKU ini tidak tercapai oleh kedua-dua sektor.

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya bagaimana PBT dan organisasi yang berada pada peringkat negeri boleh membantu meningkatkan kebolehcapaian untuk OKU?</p>	<p>Secara ringkas, Encik Zuhami berkongsi bahawa JKM membantu dalam mencari peluang pekerjaan untuk OKU dan mereka perlu melalui saluran tertentu atau melibatkan JKM. Namun, sejauh ini, tiada saluran yang tetap untuk tujuan ini. Oleh itu, beliau mengangakat cadangan untuk mempertimbangkan pembentukan laman web khusus bagi menyalurkan maklumat dan peluang pekerjaan bagi OKU. Kerajaan juga hendaklah mempertimbangkan peruntukan kewangan yang sesuai untuk perkara ini. Laman web ini boleh digunakan untuk mengiklankan pelbagai peluang, bukan hanya berkait dengan pekerjaan sahaja kepada OKU. Sebagai contoh, kerjasama antara JKM dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dalam mengadakan karnival pekerjaan adalah baik, tetapi masih kurangnya saluran tetap dalam proses ini.</p>
<p>Peserta berkongsi tentang pencapaian atlet OKU Malaysia pada peringkat antarabangsa seperti di Sukan Olimpik Khas (Special Olympics). Ramai yang tidak mengetahui bahawa atlet OKU telah memenangi lima (5) pingat pada tahun 2023. Golongan OKU ini mempunyai bakat dan kemahiran vokasional yang luar biasa. Adakah harapan untuk melihat lebih ramai OKU dari Selangor bersaing dalam Sukan Olimpik Khas pada tahun 2027?</p>	<p>Encik Zuhami memberikan respons secara ringkas. Beliau menyatakan kerajaan Negeri Selangor sedang cuba bergerak ke arah itu.</p>

# DIALOG

## Ke Arah Ekonomi Penjagaan: Perspektif, Realiti dan Transformasi

**S**imposium diteruskan dengan sesi dialog dengan tajuk Ke Arah Ekonomi Penjagaan: Perspektif, Realiti dan Transformasi yang dikemudi oleh Puan Aira Azhari, Pengurus Kanan IDEAS Malaysia dan ahli-ahli Panel terdiri daripada Puan Nadira Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kiddocare, Dr Zouhair Rosli, Ketua Penyelidik DM Analytics dan En Ahmad Ikram Abdullah, Penasihat Dasar Kanan The Asia Foundation.

Sesi dialog dimulakan dengan pertanyaan dari Puan Aira Azhari kepada Puan Nadira Yusof mengenai apa yang mendorong beliau terlibat dan berkecimpung dalam aktiviti penjagaan sehingga menubuhkan Kiddocare. Puan Nadira berkongsi bahawa penglibatan beliau berasal daripada pengalaman peribadinya yang signifikan. Sebagai seorang ibu kepada beberapa anak kecil, cabaran besar yang dihadapi oleh ramai ibu yang bekerja dalam mencari penjagaan yang sesuai untuk anak-anak mereka telah menarik minat beliau dalam ekonomi penjagaan. Walaupun terdapat taska, namun kebanyakan taska masih bergantung kepada pekerja asing yang pada fikirannya

tidak dapat memberikan penjagaan yang berkualiti. Pengalaman peribadi beliau yang hampir membawa kepada satu insiden ketika anaknya berusia setahun, di mana seorang pekerja asing telah meninggalkan anaknya sendirian tanpa pengawasan, telah dikongsi oleh Pn. Nadira. Kejadian itu telah mendorong Puan Nadira untuk mencari penyelesaian yang lebih baik untuk dirinya dan ibu-ibu lain yang menghadapi cabaran yang sama.

Pengalaman peribadi ini telah memotivasi Puan Nadira untuk mendirikan Kiddocare dengan matlamat menyediakan sistem penjagaan kanak-kanak yang boleh dipercayai, berkualiti, dan dapat disesuaikan dengan keperluan individu. Selain itu, aspek penting seperti pelatihan dan profesionalisme dalam industri penjagaan, serta perlunya melibatkan lebih banyak wanita dalam sektor ini, telah ditekankan. Puan Nadira turut menyatakan bahawa penjagaan kanak-kanak adalah aspek penting dalam membolehkan wanita bekerja sambil memberikan pendidikan dan penjagaan berkualiti kepada anak-anak mereka.

Seterusnya, Puan Aira Azhari mengajukan soalan kepada Dr. Zouhair tentang statistik ekonomi penjagaan serta perbandingan antara Malaysia dengan rantau Asia Tenggara. Dr. Zouhair menyatakan bahawa bidang penjagaan adalah sebahagian penting dalam ekonomi, namun ia sering kali tidak mendapat perhatian yang mencukupi. Sektor ekonomi ini dianggap sebagai profesion yang “seksis” kerana pekerjaan penjagaan sering kali diabaikan dalam analisis ekonomi tradisional. **Dr. Zouhair juga mengatakan bahawa nilai pekerjaan penjagaan kanak-kanak dan penjagaan warga emas sering kali diabaikan dalam pengukuran KDNK, dan menyeru agar perkara ini diberikan lebih banyak perhatian dalam kajian ekonomi.** Dr. Zouhair juga memberikan contoh anggaran yang konservatif mengenai nilai yang mungkin dihasilkan oleh

ekonomi penjagaan yang menunjukkan potensi besar bidang ini dalam memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Puan Aira kemudian mengajukan soalan kepada En. Ikram untuk menjelaskan dan berkongsi mengenai apa yang dimaksudkan dengan ekonomi penjagaan, dan mengapa peranan ekonomi penjagaan dalam negara dianggap penting untuk dipedulikan dan difahami oleh masyarakat? En. Ikram berkongsi tentang peranan The Asia Foundation dalam memberikan sokongan kepada program-program yang membantu masyarakat bergerak ke arah yang lebih maju. En. Ikram menambah bahawa peranan perempuan dalam ekonomi penjagaan amat penting dan perlu ditekankan. En. Ikram juga berkongsi bahawa ekonomi penjagaan adalah satu bidang yang amat luas, ia mencakupi penjagaan kanak-kanak sehinggalah penjagaan jenazah.

## Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023

### Sesi Dialog :

Ke Arah Ekonomi Penjagaan: Perspektif, Realiti dan Transformasi  
*Navigating the Care Economy: Perspectives, Realities and Road to Transformation*

30-31 Oktober 2023

Identitiyanti Jomati & Bahira, Selangor

MALAYSIA MADANI #KitaSelangor

### Moderator



Pn. Aira Azhari  
Pengurus Kanan,  
IDEAS Malaysia

### Panel 1



Pn. Nadira Yusoff  
Pengasas &  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Kiddocare Sdn Bhd

### Panel 2



En. Ahmad Ikram Abdullah  
Penasihat Kanan Dasar,  
The Asia Foundation

### Panel 3



Dr. Zouhair Rosli  
Ketua Penyelidik,  
DM Analytics

"Selamat datang ke Sesi Dialog Semartabat Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor 2023"

Selain itu, En. Ikram menyatakan bahawa kesedaran tentang ekonomi penjagaan semakin berkembang di seluruh dunia, dan banyak negara telah memulakan inisiatif untuk meningkatkan sektor ini. Beliau juga menekankan pentingnya peranan lelaki dalam ekonomi penjagaan. Perubahan perspektif, di mana penjagaan adalah tanggungjawab semua; lelaki dan wanita, mestilah dilakukan. Selain itu, kepentingan pembentukan strategi nasional dalam memajukan ekonomi penjagaan dalam mencapai kesejahteraan masyarakat juga telah dikongsikan oleh En. Ikram.

Seterusnya, Puan Aira kembali mengajukan soalan kepada Puan Nadira tentang realiti dan cabaran yang dihadapi oleh pemain dalam sektor penjagaan. Menurut Puan Nadira, telah berkongsi pengalaman dan pandangannya mengenai realiti serta cabaran sebagai pelaku industri penjagaan, di Kiddocare yang telah ditubuhkan pada tahun 2019. Beliau berkongsi tentang kepentingan untuk memahami bahawa industri penjagaan kanak-kanak dan warga emas adalah bidang yang berbeza dengan sektor perniagaan lain. Kiddocare menggunakan konsep asas yang bergantung kepada teknologi, dengan fokus kepada penyediaan perkhidmatan penjagaan di lokasi di mana ibu bapa berada. Menurut Puan Nadira, ini adalah satu pendekatan yang berbeza daripada taska konvensional.

Justeru, beliau menyatakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Kiddocare juga berbeza, di mana pemahaman yang mendalam mengenai keunikan sektor ini dan penyelesaian yang kreatif perlu dicipta bagi menangani cabaran-cabaran tersebut.

Puan Nadira turut berkongsi salah satu cabaran utama dalam industri penjagaan adalah dalam mencari pekerja yang mempunyai kecekapan dan kesediaan yang tinggi. Walaupun lebih daripada 8000 pendaftaran pekerja di bawah Kiddocare, namun bagi memastikan kesemua mereka menjalani latihan yang mencukupi dan diiktiraf sebagai profesional merupakan satu cabaran yang besar. Sebahagian besar pekerja di bawah Kiddocare adalah dalam kategori usia 20 hingga 30 tahun, dan aspirasi untuk memberi inspirasi kepada generasi muda agar memilih kerjaya dalam industri penjagaan perlu usaha yang lebih dalam kerana mereka ini adalah aset berharga dalam membentuk masa depan industri ini.

Selain itu, Puan Nadira berkongsi tentang aspek penting lain yang perlu diberi penekanan iaitu dalam pengiktirafan terhadap pekerjaan penjagaan. Menurut beliau, kerja penjagaan sering dianggap sebagai pekerjaan sampingan yang tidak mendapat penghargaan yang sepatutnya. Pengiktirafan yang lebih besar terhadap profesion ini akan



menarik lebih ramai individu berkualiti untuk menyertai sektor penjagaan menurut Puan Nadira.

Puan Nadira turut menyatakan bahawa dalam usaha merangsang perkembangan industri penjagaan, cabaran dalam aspek modal adalah antara perkara yang harus diatasi. Beliau berkongsi bahawa bagi menguruskan perniagaan seperti Kiddocare, modal yang besar amatlah diperlukan. Beliau kemudian memberikan cadangan kepada kerajaan Selangor agar memberi bantuan kewangan awal kepada taska-taska mikro di rumah dan membantu perniagaan baru dalam industri penjagaan memulakan operasi tanpa rintangan modal yang besar. Ini akan mencipta lebih banyak peluang perniagaan dan membenarkan industri ini berkembang.

Puan Nadira juga menambah bahawa, industri penjagaan akan terus berkembang dengan munculnya pelbagai model dan latihan. Oleh itu, perkongsian pengetahuan dan kerjasama adalah kritikal untuk menyelesaikan masalah dan meningkatkan sektor ini. Dengan bertukar pandangan dan bekerjasama, inovasi yang lebih baik dalam industri penjagaan dapat dicipta. Puan Nadira juga menyatakan bahawa faktor penting dalam mencapai kejayaan industri penjagaan adalah kerjasama antara sektor swasta dan awam. Menurut beliau, semakin banyak pihak yang berpadu tenaga dalam memajukan

industri ini, semakin besar peluang untuk mencapai kejayaan. Pendanaan daripada sektor swasta dan awam harus dipadukan untuk menggerakkan industri penjagaan ke hadapan. Justeru, kerjasama secara bersepadu diperlukan untuk mencipta perubahan positif dalam industri ini.

Dalam kesimpulannya, Puan Nadira menekankan tentang peranan penting yang dimainkan oleh industri penjagaan dalam masyarakat, dan pelaku dalam sektor ini menghadapi pelbagai cabaran. Namun, melalui komitmen untuk mencari penyelesaian yang inovatif dan kerjasama yang erat, beliau meyakini bahawa masa depan yang lebih baik bagi industri penjagaan di Malaysia dapat dibentuk.

Seterusnya, Puan Aira mengajukan soalan kepada Dr. Zouhair tentang kesan positif dan negatif terhadap pelaburan dan perubahan lanskap Negeri Selangor, yang dapat dianggap sebagai perintis pelaburan dalam ekonomi penjagaan. Dr. Zouhair bersetuju dengan pendapat Puan Nadira mengenai pentingnya memberikan latihan kepada pekerja penjagaan sebelum mereka mula bekerja. Pendekatan yang sangat praktikal ini memastikan bahawa graduan akan memiliki kemahiran yang diperlukan sebelum melangkah ke alam pekerjaan, berlawanan dengan pendekatan tradisional di mana pekerja akan diberi latihan setelah mereka mula bekerja.



Puan Nadira

Puan Nadira turut menyatakan bahawa **penjagaan kanak-kanak adalah aspek penting dalam membolehkan wanita bekerja sambil memberikan pendidikan dan penjagaan berkualiti kepada anak-anak mereka.**

Menurut Dr. Zouhair, di Malaysia, isu-isu pelaburan banyak diceritakan di kedai-kedai kopi. Contohnya, projek infrastruktur seperti pembinaan LRT, yang mempunyai impak besar kepada rakyat, hanya dibincangkan secara sambil lewa. Walaupun pelaburan diterima dalam pembinaan infrastruktur, pertanyaan yang sering timbul adalah siapa yang sebenarnya bertanggungjawab terhadap projek-projek ini, terutamanya apabila duit awam digunakan. Ini menimbulkan keperluan untuk berhati-hati dalam membuat pelaburan dalam ekonomi penjagaan.

Walau bagaimanapun, Dr. Zouhair berkongsi bahawa dari sudut positif, impak ekonomi penjagaan pastinya akan memberikan manfaat. Kesediaan untuk menyediakan perkhidmatan

penjagaan ekonomi akan meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh secara keseluruhannya. Dalam hal ini, Dr. Zouhair menyatakan bahawa Selangor boleh dianggap sebagai contoh yang baik. Tambah beliau lagi, Selangor adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak mempunyai jurang yang begitu besar antara wanita dan lelaki dalam pasaran buruh. Lebih daripada 80% penduduk wanita Selangor bekerja, dan jurang antara lelaki dan wanita adalah yang paling rendah. Ini berbeza dengan negeri-negeri lain seperti Kelantan dan Perlis yang mempunyai jurang yang lebih besar. Justeru, Dr. Zouhair berpendapat Selangor adalah satu-satunya negeri yang mempunyai potensi tinggi dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh dan permintaan untuk perkhidmatan penjagaan kanak-

kanak seperti Kiddocare. Menurut beliau lagi, ini boleh dianggap sebagai satu perkara positif dan adalah isu potensi permintaan yang perlu difikirkan dengan teliti.

Seterusnya, Puan Aira mengajukan soalan kepada En. Ikram bagi mendengar pandangan beliau dari perspektif Asia Foundation mengenai kajian perbandingan tentang bagaimana negara-negara menghadapi kekangan dalam ekonomi penjagaan dan isu-isu serta persamaan yang dihadapi oleh negara-negara tersebut dengan Malaysia. En. Ikram berkongsi bahawa ekonomi penjagaan turut melibatkan aspek budaya dan tradisi. Dalam konteks ini, En. Ikram menumpukan kepada dua perkara penting, iaitu keazaman dan keprihatinan. Menurut beliau, keazaman untuk menjadi pekerja penjagaan adalah satu faktor penting, begitu juga dengan keprihatinan, kesabaran, dan kemurahan hati. Dalam menjalankan kerja penjagaan, seseorang perlu mempunyai kesabaran dan kemurahan hati kerana cabaran dalam menjaga anak-anak dan warga emas adalah berbeza, serta melibatkan kekuatan fizikal dan emosi yang lebih besar.

Tambahan beliau lagi, salah satu aspek yang perlu diambil kira adalah peranan ahli keluarga lain dalam menjaga anggota keluarga yang memerlukan penjagaan. Ini termasuklah peranan menantu, cucu, adik-beradik,

dan lain-lain. En. Ikram menyatakan isu ini menjadi signifikan apabila seseorang berhadapan dengan cabaran dalam mendapatkan pekerja tempatan yang sanggup menggantikan pekerja asing, terutamanya apabila pilihan sedia ada adalah mahal. Menurut En. Ikram, itulah punca kenapa peluang yang dicipta kepada penduduk tempatan yang ingin mencari pendapatan tambahan terpaksa diambil oleh pekerja asing.

Selain itu, En. Ikram turut berkongsi tiga isu penting sering ditekankan dalam persidangan-persidangan berkaitan ekonomi penjagaan. Pertama, keperluan untuk menetapkan standard pekerjaan dalam bidang penjagaan. Kedua, inovasi dalam menyokong usahawan sosial dalam sektor ini. Ketiga, kekurangan data yang menyeluruh mengenai ekonomi penjagaan, di mana isu-isu ini berbeza dari satu negara ke negara lain bergantung kepada tahap perkembangan ekonomi mereka.

Seterusnya, En. Ikram turut menekankan tentang budaya dan tradisi tempatan yang memainkan peranan dalam membentuk ekonomi penjagaan. Tambah beliau, budaya dan tradisi sering menjadi faktor penting yang mempengaruhi pendekatan dalam bidang ini. Sebagai contoh, beberapa negara mengambil tindakan untuk menyederhanakan dasar imigresen bagi pekerja asing dalam sektor penjagaan. Ini memudahkan penyediaan tenaga

buruh, tetapi perlu melihat pandangan Malaysia dalam konteks budaya tempatan. Setiap negara mempunyai keperluan unik, dan perlu mengambil pendekatan berdasarkan konteks yang tersendiri.

Menurut En. Ikram juga, isu kesihatan mental turut perlu diberi perhatian dalam ekonomi penjagaan. Pekerja penjagaan kerap berhadapan dengan tekanan kerja yang tinggi, kerana mereka perlu menjalani tugas 24 jam sehari. Oleh itu, perlu ada strategi untuk menguruskan kesihatan mental

pekerja penjagaan dan memberi mereka masa untuk berehat secukupnya. Ini adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian dalam industri penjagaan. En. Ikram juga berkongsi tentang beberapa negara seperti Australia dan Indonesia yang telah merangka pelan ekonomi penjagaan nasional. Menurut beliau, Malaysia juga perlu melihat peluang ini dan menyatakan komitmen untuk menyusun rancangan ekonomi penjagaan yang berkesan. Justeru, sokongan dan komitmen dari pihak kerajaan dalam isu ini amatlah diperlukan.



Dr. Zouhair



Beliau juga menekankan pentingnya peranan lelaki dalam ekonomi penjagaan. Perubahan perspektif, di mana **penjagaan adalah tanggungjawab semua; lelaki dan wanita**, mestilah dilakukan.

En. Ahmad Ikram

## Sesi Soal Jawab

Berikut merupakan butiran sesi soal jawab.

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya tentang bagaimana untuk mengukur dan mengiktiraf ekonomi penjagaan ini dengan cara yang berkesan? Sumber daya yang dihargai seperti masa, terutamanya diukur dalam jam, telah mencetuskan isu-isu penghinaan terhadap peranan ibu yang berbeza dengan pekerja penjagaan. Peserta juga mencadangkan untuk mengubah terma kepada “ekonomi ehsan” untuk lebih memahami perasaan, kasih sayang, dan dekat dengan nilai-nilai sejagat dalam penjagaan.</p>	<p><b>Dr. Zouhair:</b></p> <p>Dr. Zouhair menyatakan bahawa pengukuran ekonomi yang sedia ada berlandaskan konvensi tertentu. Beliau menyatakan baru-baru ini telah ada usaha dalam mengukur aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan penjagaan. Menurut beliau lagi, ekonomi penjagaan, yang dapat dijelaskan dengan cara yang lebih mudah adalah seperti Grab dan Food Panda, kerana ia melibatkan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh individu. Dalam konteks penjagaan di rumah, ekonomi penjagaan melibatkan lebih banyak aktiviti informal, yang turut memainkan peranan penting dalam industri penjagaan. Kesan ekonomi penjagaan terhadap ekonomi secara keseluruhan adalah hal terpenting untuk dilihat. Ini mungkin tidak selalu terserlah dalam kalangan awam, tetapi ia adalah hal penting untuk difahami oleh pembuat dasar. Menurut beliau juga, usahasama dengan platform data di Malaysia, adalah satu langkah positif. Selain itu, beliau menyatakan penekanan juga hendaklah diberikan dengan lebih mendalam dalam mengiktiraf dan menilai ‘nilai’ pekerja penjagaan dengan lebih berwibawa. Masyarakat juga hendaklah memberi nilai kepada kerja-kerja penjagaan, di samping pemain industri memainkan</p>

peranan penting mereka dalam mengubah persepsi-persepsi tentang ekonomi penjagaan.

**En. Ikram:**

Menurut En. Ikram, setiap individu mempunyai cara yang berbeza dalam menjalani kehidupan mereka, dan pilihan mereka tidak boleh dihakimi. Ada yang memiliki kemampuan untuk menjaga ahli keluarga, manakala ada yang terpaksa bekerja di luar rumah. Beliau turut menyatakan bahawa konsep kasih sayang adalah berbeza bagi setiap individu. Untuk mencapai pemahaman yang lebih baik tentang konsep ini, ekosistem yang dicipta mestilah dapat memenuhi keperluan yang pelbagai. Menurut En. Ikram juga, konteks penjagaan setiap keluarga mempunyai keperluan dan keadaan yang berbeza, dan memerlukan penyelesaian yang sesuai dengan keadaan masing-masing.

Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya tentang Kiddo Care, kerana perkhidmatan mereka adalah sangat mudah bergerak, adakah terdapat isu-isu khusus yang mereka pertimbangkan dalam mengesan keganasan seksual atau penderaan dalam keluarga, terutamanya apabila melibatkan anak-anak yang mereka jaga?</p> <p>Dalam konteks pelaburan ekonomi penjagaan yang semakin berkembang, terdapat fokus yang kuat untuk memperluaskan peluang pekerjaan kepada golongan wanita. Namun, pengagihan pekerjaan dalam sektor ini masih belum sepenuhnya saksama antara lelaki dan perempuan. Bagaimana kita boleh memastikan bahawa lelaki juga turut mengambil tanggungjawab dalam sektor penjagaan dan memastikan ia adalah tanggungjawab bersama yang mencakupi kedua-dua jantina?</p>	<p><b>Puan Nadira:</b></p> <p>Puan Nadira berkongsi tentang pengasuh seperti Granny Nanny yang berusia lebih 50 tahun yang turut bekerja di Kiddocare. Menurut beliau, umur tertua pekerja wanita yang berdaftar di Kiddocare adalah 68 tahun. Puan Nadira kemudian berkongsi tentang salah satu cabaran penjaga Granny Nanny adalah berkaitan dengan penggunaan teknologi, di mana penggunaan telefon pintar telah menghalang penglihatan mereka. Puan Nadira juga berkongsi bahawa ramai klien di Kiddocare mencari Granny Nanny apabila merawat bayi yang berusia kurang daripada satu tahun. Beliau turut menambah bahawa, bagi merangsang penyertaan pekerja di Kiddocare, pemberian alat peranti pintar yang sesuai adalah salah satu bantuan yang disediakan. Selain itu, Kiddocare mengumpul data secara waktu nyata, bagi mengesan pergerakan dan interaksi yang berlaku di dalam rumah. Contoh, jika seorang penjaga pergi dan keluarga itu terdiri daripada ibu, bapa dan kanak-kanak kecil, Kiddocare akan memastikan bahawa keluarga itu tidak terdedah kepada situasi yang tidak sesuai dan menghormati corak hidup klien, tanpa mengganggu privasi klien.</p>



Soalan	Respon
<p>Peserta bertanya tentang Kiddocare, apakah inisiatif untuk mendapatkan khidmat penjagaan yang sama dapat diberikan kepada ibu bapa yang tidak mampu? Bagaimana Kiddocare boleh membantu golongan ini untuk memperoleh perkhidmatan penjagaan?</p>	<p><b>Puan Nadira:</b></p> <p>Puan Nadira menyatakan bahawa penyelesaian kepada masalah ini adalah mahal. Namun ia adalah pilihan yang berpatutan. Kiddocare tidak dapat mengorbankan gaji pekerja. Bayaran RM1500 sebulan tidak mencukupi. Pengasuh separuh masa di Kiddocare, boleh mencapai gaji sekitar RM2000 sebulan.</p>
<p>Peserta bertanya tentang cadangan untuk menjadikan ekonomi penjagaan sebagai agenda tetap dalam kerajaan Selangor?</p> <p>Bagaimana isu konflik yang timbul dalam kes penjagaan di hospital dan cadangan untuk lebih bekerjasama dengan fasiliti kesihatan tertentu?</p>	<p><b>Dr. Zouhair:</b></p> <p>Dr. Zouhair menyatakan tentang bahaya yang mungkin berlaku pada masa akan datang tidak boleh diramal. Menurut beliau, seseorang manusia tidak sepatutnya menganggap bahawa dirinya akan menua sahaja tanpa memikirkan cabaran dan perkara yang mungkin akan dihadapi oleh mereka. Apabila terlalu ramai orang tua dalam sesuatu negara, ekonomi boleh menjadi lembap.</p> <p>Malaysia sudah lama menua tanpa mencapai tahap kekayaan yang mencukupi. Ramai masyarakat Malaysia tidak mempunyai simpanan yang mencukupi, dan ramai yang bekerja dalam keadaan ekonomi yang sukar. Apabila ramai orang tua, ekonomi mungkin menjadi lesu, kerana yang muda perlu memberi sokongan kepada yang tua.</p>

Soalan	Respon
<p>Peserta meminta pandangan dan nasihat dari panel mengenai bagaimana untuk terus beroperasi dan bertahan dalam dua isu utama yang dihadapi. Pertama, Pusat Daya Kreatif (PDK) memberi fokus kepada kanak-kanak OKU (Orang Kurang Upaya) berkebolehan tinggi yang menghadapi pelbagai cabaran, termasuk penderaan fizikal dan psikologi. Bagaimana peserta boleh terus memberi khidmat rawatan kepada golongan ini dan memastikan mereka mendapat pertolongan psikologi yang diperlukan?</p> <p>Kedua, Pusat Daya Kreatif (PDK) sekarang memberi tumpuan kepada kanak-kanak berumur 9 hingga 15 tahun yang sebelum ini menghadapi situasi pemulihan dari pengalaman asrama penuh yang mencabar. Bagaimana peserta boleh menjaga dan mengembangkan tenaga pengajar, sama ada mereka adalah graduan ataupun bukan graduan? Adakah terdapat cara untuk memastikan keberterusan operasi peserta walaupun memiliki dana yang terhad?</p>	<p><b>Puan Nadira:</b></p> <p>Menurut Puan Nadira, Kiddocare adalah satu platform gig ekonomi, yang mempunyai ciri-ciri unik. Gig ekonomi memainkan peranan penting dalam beberapa aspek. Pertama, ia menyokong fleksibiliti pekerjaan, terutamanya untuk golongan wanita. Kedua, platform gig membolehkan pelbagai tindakan sosial yang mendukung pelbagai keperluan dalam masyarakat. Namun, cabaran dalam ekonomi penjagaan ini adalah dalam mengekalkan bakat bagi pekerja yang berkelayakan. Menurut beliau lagi, sebanyak 50 peratus pekerja dalam platform Kiddocare mempunyai ijazah, dan untuk mengekalkan mereka, penawaran gaji yang kompetitif dan peluang pembangunan kerjaya mestilah dibekalkan. Selain itu, sokongan sektor awam dalam bentuk program-program yang memastikan pendapatan minimum juga amat baik. Cadangan lain adalah agar kerajaan Selangor menilai syarikat-syarikat dalam saiz tertentu untuk mengambil peranan dalam dasar penjagaan keluarga. Kebanyakan syarikat hanya menumpukan kepada faedah pekerja, namun tidak pula melihat jauh kepada kebajikan dan penjagaan pekerja. Puan Nadira turut mencadangkan agar kerajaan hendaklah mendorong syarikat-syarikat ini untuk menyediakan penjagaan keluarga dengan lebih efisien. Konsep CSR (Corporate Social Responsibility) juga perlu dikaji semula agar membawa kepada pelaburan impak yang lebih besar.</p>

# PERBINCANGAN DALAM KUMPULAN DAN PEMBENTANGAN

Laporan di bawah adalah berdasarkan pembentangan kumpulan mengikut kategori. Kumpulan 1 hingga 5 dikategorikan setiap topik perbincangan mengikut golongan tumpuan: (i) kanak-kanak, (ii) warga tua, (iii) Orang Kurang Upaya, dan (iv) penjaga. Manakala untuk Kumpulan 6 dan 7, perbincangan serta pembentangan mereka lebih umum tidak mengikut kategori ini.

## Pembentangan Kumpulan 1: Undang-undang & Dasar Berkaitan Ekonomi Penjagaan

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Puan Shazana Agha. Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka. Pembentangan kumpulan ini telah dimulakan dengan berkongsi serba ringkas tentang undang-undang sedia ada berkaitan ekonomi penjagaan dan dasar Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) di bawah Selangor. Kemudian pembentangan diteruskan mengikut kategori berikut.

### Penjagaan Kanak-kanak

Isu-isu dalam penjagaan kanak-kanak dari perspektif undang-undang dan dasar ekonomi melibatkan keberkesanan pemantauan dan penyaluran aduan, pengiktirafan dan pemantauan pengasuh kanak-kanak, dan isu ekonomi.

Cadangan penambahbaikan termasuk meningkatkan pelaksanaan proses pemantauan dan aduan, menetapkan kriteria dan standard yang jelas untuk pengasuh kanak-kanak, memberikan pengiktirafan kepada model perkhidmatan pengasuh kanak-kanak baru, dan melibatkan PBT dalam pemantauan dan perlesenan. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<p><b>Keberkesanan Proses Pemantauan dan Proses Penyaluran Aduan Sedia Ada</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Siapa yang bertanggungjawab terhadap panduan dan pemantauan secara umum terhadap Penjagaan Kanak-Kanak (PKK)?</li> <li>• Adakah terdapat mekanisme aduan yang berkesan untuk melaporkan masalah yang timbul?</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan perlu dipertingkatkan.</li> <li>• Jika terdapat jurang, proses pemantauan dan penyaluran aduan perlu disemak semula dan diperhalusi lanjut, bersama-sama dengan pemegang taruh tempatan.</li> </ul>
<p><b>Pengiktirafan dan pemantauan pengasuh kanak-kanak yang lebih baik.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagaimana proses pendaftaran pengasuh diatur? Adakah kriteria dan standard yang jelas untuk pengasuh kanak-kanak (tidak terhad kepada pemilik sahaja). Perlukah ada kaedah penilaian pengasuh secara berterusan? Dan bagaimana untuk diterapkan dalam proses perlesenan pusat pengasuh?</li> <li>• Model perkhidmatan pengasuh kanak-kanak baru di bawah syarikat, (contohnya Kiddocare) perlu diberi pengiktirafan. Walau bagaimanapun, polisi/undang sedia ada tidak merangkumi perkhidmatan sebegini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan negeri perlu bekerjasama dengan PBT untuk meluaskan tanggungjawab mereka dalam pemantauan, perlesenan, dan penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan warga emas. Bidang ini harus dianggap sebagai bidang yang mendapat akreditasi dan menjadi sebahagian daripada ekonomi penjagaan. Oleh itu, diperlukan polisi yang sah secara undang-undang untuk mengatur bidang ini.</li> <li>• Perlu dilakukan peninjauan semula terhadap Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak [Akta 308 &amp; Akta A1285] dan Akta Pusat Jagaan [Akta 508 &amp; Akta A1292] serta mengemas kini untuk memastikan undang-undang yang lebih relevan dan selaras dengan perkembangan semasa dan merangkumi perkhidmatan pengasuh model baru.</li> </ul>

## **Ekonomi**

- Jurang kos taska yang berdaftar dan tidak berdaftar antara sebab operasi taska tidak berdaftar tidak dilaporkan.
- Kekurangan pembiayaan bantuan kepada OKU.

- Menawarkan pengecualian cukai yang lebih baik atau subsidi kepada pengusaha taska untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak.
- Memperluaskan program intervensi seperti Program Intervensi Awal (EIP).
- Penglibatan dana dari sektor swasta melalui penawaran insentif percukaian bagi membantu usaha kerajaan negeri sedia ada. Model ini juga boleh digunakan untuk OKU yang lain.
- Mewujudkan *sustainable funding* dengan penglibatan pihak swasta.
- Meninjau semula bagi meningkatkan kelayakan bantuan Kad Peduli Sihat bagi pendapatan isi rumah dari RM2,000 kepada RM3,000, khususnya untuk anak OKU, agar golongan B40 tidak terkecuali (kelayakan sekarang cuma membantu golongan B20).
- Memastikan Program dan bantuan dilaksanakan berterusan merentasi kepimpinan politik.

## **Kekurangan Penyediaan Taska di Tempat Kerja dan Pelaksanaan Polisi**

- Mewujudkan polisi berkaitan penyediaan taska di tempat kerja namun bagaimana kita mahu pastikan polisi tersebut dilaksanakan dengan berkesan untuk memberikan akses yang lebih baik kepada penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.

- Menawarkan insentif kepada sektor swasta dan pengecualian cukai kepada syarikat yang mempunyai 250 pekerja untuk menyediakan taska di tempat kerja (wajib), dan menggalakkan syarikat dengan minimum 75 pekerja untuk melaksanakannya.
- Memastikan pelaksanaan polisi yang telah ada dengan lebih efektif.
- PBT: memberikan pengecualian perlesenan dan yuran untuk tiga tahun pertama kepada taska yang baru ditubuhkan.

## Penjagaan Warga Emas

Permasalahan dalam penjagaan warga tua dari perspektif undang-undang dan dasar ekonomi melibatkan bantuan kepada warga emas yang tinggal sendiri dan masalah pengurusan diri dengan kos yang tinggi. Cadangan penambahbaikan termasuk memberikan bantuan khusus tanpa mengira status tinggal, meneliti polisi seperti di negara yang telah membuahkan hasil yang baik seperti insentif kepada anak-anak yang tinggal berdekatan dengan ibu bapa, dan membuat polisi/ insentif cukai khas untuk anak-anak yang menjaga ibu bapa mereka. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<p>Permasalahan bantuan kepada warga emas yang tinggal sendiri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan bantuan khusus kepada warga emas tanpa mengira sama ada tinggal sendiri ataupun dengan anak.</li> <li>• Mengkaji polisi seperti yang diterapkan di negara lain seperti Singapura yang memberikan insentif kepada anak-anak yang tinggal berdekatan dengan ibu bapa mereka, dengan syarat-syarat tertentu. Insentif ini boleh digunakan untuk menggalakkan anak-anak untuk tinggal berdekatan dengan ibu bapa.</li> </ul>
<p>Masalah pengurusan diri, termasuk isu kesihatan dengan kos yang sangat tinggi bagi makanan, minuman, dan perubatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat polisi/ insentif cukai khas untuk anak-anak yang menjaga ibu bapa mereka (ibu/bapa tinggal serumah dengan mereka)</li> <li>• Mempertimbangkan untuk memperluaskan penggunaan Kad Peduli Sihat kepada warga emas yang diberikan kepada individu dan menggalakkan klinik-klinik untuk menawarkan perkhidmatan dengan kadar preferential kepada warga emas yang memegang Kad Peduli Sihat.</li> </ul>

## Penjagaan Orang Kurang Upaya

Permasalahan dalam penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) dari perspektif undang-undang dan dasar ekonomi tertumpu kepada kekurangan pusat penjagaan dan kemudahan. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
Kekurangan pusat penjagaan bagi OKU dan keperluan latihan atau kursus bagi mereka.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak di peringkat negeri untuk berunding dengan agensi tertentu dalam usaha meningkatkan penjagaan dan latihan untuk OKU.</li><li>• Melaksanakan penyelidikan khusus untuk lebih memahami isu-isu yang dihadapi oleh OKU dengan menjalankan kajian komprehensif yang dikendalikan oleh universiti atau institusi akademik (pertimbangkan pemberian geran).</li><li>• Memperuntukkan dana untuk pembinaan pusat penjagaan OKU di setiap daerah untuk meningkatkan akses kepada penjagaan mereka.</li><li>• Menyediakan subsidi kerajaan bagi latihan OKU untuk membolehkan mereka berdikari dan menyertai masyarakat dalam mencapai inklusiviti.</li></ul>
Pengabaian peralatan OKU yang tidak lagi digunakan, seperti katil, kerusi roda dan lain-lain di samping kos tinggi peralatan OKU.	Mewujudkan agensi atau badan bukan kerajaan (NGO) yang bertanggungjawab untuk menguruskan atau menyalurkan sumbangan (peralatan OKU) kepada tempat penjagaan OKU atau kepada mereka yang memerlukan secara pinjaman.

## Penjaga

Untuk aspek penjaga dalam ekonomi penjagaan, cabaran utama termasuk kurangnya sokongan emosi dan kelompok sokongan bagi penjaga, menyebabkan beban emosi yang tinggi. Sokongan melalui kelompok dan psikoterapi, disokong oleh kerajaan, penting untuk menjaga kesihatan mental penjaga. Isu-isu seperti perlesenan penjagaan kanak-kanak dan kapasiti penuh di pusat penjagaan kerajaan juga perlu diselesaikan. Pemahaman yang lebih baik dan penubuhan jawatankuasa khas serta polisi subsidi yang fleksibel dapat meningkatkan ekosistem penjagaan, memberikan pilihan lebih baik kepada keluarga. Dengan mengatasi cabaran ini, kita berharap untuk membina ekonomi penjagaan yang lebih lestari dan berdaya maju. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<p>Kebajikan dan sokongan kepada penjaga yang rendah</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak ada peer support kepada ahli keluarga atau penjaga (caregiver) untuk meluahkan perasaan dan berkongsi pengalaman dalam menjalankan tanggungjawab penjagaan harian.</li><li>• Adanya beban emosi yang perlu ditanggung. Ini juga merangkumi pengasuh yang terlibat dalam penjagaan.</li></ul>	<p>Mewujudkan <i>Support Group</i> dan psikoterapi, secara fizikal mahupun secara maya, yang didukung kerajaan untuk menjaga kesihatan mental penjaga dan ahli keluarga yang tertekan.</p>
<p><b>Isu perlesenan – <i>Home-Based Child Care</i></b></p>	<p>Mewujudkan satu Jawatankuasa Khas untuk memahami proses perlesenan home-based child care, serta mempertimbangkan kriteria yang boleh dipermudahkan dan kriteria yang tidak boleh dikompromi.</p>
<p>Isu kapasiti di pusat penjagaan kerajaan yang telah penuh</p>	<p>Memastikan wujudnya polisi yang membenarkan kakitangan awam mendapatkan subsidi jika pusat penjagaan kerajaan penuh dan mereka memilih untuk membawa anak-anak ke taska lain yang lebih sesuai.</p>



## Kesimpulan

Kumpulan 1 merumuskan pembentangan dengan menyatakan bahawa ekonomi penjagaan ini perlu menjadi satu agenda tetap kerajaan negeri dan Persekutuan dan diperuntukkan bajet secara tetap secara tahunan. Kempen kesedaran atau pendidikan lebih meluas untuk masyarakat secara berterusan adalah diperlukan.

# Pembentangan Kumpulan 2: Kesihatan Awam dalam Ekonomi Penjagaan

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Dr. Roshalina Rosli (ACT4Health). Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka. Di akhir laporan, tiada rumusan khusus daripada pembentangan mereka seperti kebanyakan kumpulan lain.

## Penjagaan Kanak-kanak

Dalam aspek Kesihatan Awam dalam Ekonomi Penjagaan, isu-isu berkaitan penjagaan kanak-kanak termasuk penularan penyakit berjangkit seperti selsema, HFMD, dan influenza dibangkitkan sebagai cabaran di samping cabaran pemakanan yang seimbang. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<b>Penularan penyakit berjangkit (contoh: selesema, HFMD, Influenza dll)</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Ibu bapa menghantar anak yang kurang sihat ke pusat jagaan.</li><li>Pengusaha premis pusat jagaan kurang peka di dalam menjaga persekitaran premis - premis tidak disanitasi di dalam menjaga dan mengawal penyakit berjangkit.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Taklimat Kesihatan Berkaitan Cara-Cara Pengurusan Diri Dan Persekitaran.</li><li>Pemantauan berterusan dan berkala – kompaun kepada pengusaha dan ibu bapa.</li></ul>
<b>Nutrisi yang tidak mencukupi untuk tumbesaran.</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Kanak-kanak Obesiti.</li><li>Kanak-kanak Bantut.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Dari peringkat Klinik Kesihatan<ul style="list-style-type: none"><li>pada peringkat awal kandungan.</li><li>bermula dari peringkat awal perkembangan kanak-kanak (first 1000 days) di Klinik Kesihatan.</li></ul></li><li>Pada peringkat sekolah:<ul style="list-style-type: none"><li>KKM berkerjasama dengan JPNS menyediakan bahan rujukan informasi tentang pengambilan nutrisi yang betul.</li><li>pemantauan boleh dilaksanakan oleh PIBG sekolah.</li></ul></li></ul>

## Penjagaan Kanak-kanak

Dalam aspek Kesihatan Awam dalam Ekonomi Penjagaan, isu-isu berkaitan penjagaan kanak-kanak termasuk penularan penyakit berjangkit seperti selsema, HFMD, dan influenza dibangkitkan sebagai cabaran di samping cabaran pemakanan yang seimbang. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<p><b>Penularan penyakit berjangkit (contoh: selsema, HFMD, Influenza dll)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu bapa menghantar anak yang kurang sihat ke pusat jagaan.</li> <li>Pengusaha premis pusat jagaan kurang peka di dalam menjaga persekitaran premis - premis tidak disanitasi di dalam menjaga dan mengawal penyakit berjangkit.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat Kesihatan Berkaitan Cara-Cara Pengurusan Diri Dan Persekitaran.</li> <li>Pemantauan berterusan dan berkala – kompaun kepada pengusaha dan ibu bapa.</li> </ul>
<p><b>Nutrisi yang tidak mencukupi untuk tumbesaran.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kanak-kanak Obesiti.</li> <li>Kanak-kanak Bantut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dari peringkat Klinik Kesihatan <ul style="list-style-type: none"> <li>o pada peringkat awal kandungan.</li> <li>o bermula dari peringkat awal perkembangan kanak-kanak (first 1000 days) di Klinik Kesihatan.</li> </ul> </li> <li>Pada peringkat sekolah: <ul style="list-style-type: none"> <li>o KKM berkerjasama dengan JPNS menyediakan bahan rujukan informasi tentang pengambilan nutrisi yang betul.</li> <li>o pemantauan boleh dilaksanakan oleh PIBG sekolah.</li> <li>o Peniaga makanan ringan yang tidak sihat di luar kawasan sekolah hendaklah dikawal dengan memastikan berlesen, menjual makanan yang mematuhi syarat KKM.</li> </ul> </li> </ul>

## Penjagaan Warga Emas

Dalam aspek Kesihatan Awam dalam Ekonomi Penjagaan, isu-isu berkaitan penjagaan warga emas termasuk persekitaran tempat tinggal yang mengancam kesihatan dan pencemaran udara serta perubahan iklim.

Cadangan penambahbaikan merangkumi penguatkuasaan kelulusan pemajuan dan lesen perniagaan untuk pusat jagaan, pemantauan berkala oleh agensi berkaitan, dan penyediaan templat pemakanan oleh KKM untuk warga emas. Untuk mengatasi kelewatan dalam menerima rawatan, cadangan termasuk inisiatif seperti 'fast-lane', 'home-visit', atau 'house call' untuk rawatan rutin yang dikendalikan oleh NGO dengan kerjasama KKM, serta program ziarah dan aktiviti sosial untuk menangani isu sakit mental. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

- |   |   |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Persekitaran tempat tinggal yang mengancam kesihatan.</li><li>• Pencemaran udara dan perubahan iklim.</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Agensi berkaitan seperti JKM dan PBT membuat inventori pusat jagaan dalam memastikan mempunyai kelulusan pemajuan (Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan) dan mempunyai lesen perniagaan.</li><li>• Mengawal premis dengan memastikan pengusaha mematuhi garis panduan penyediaan premis pusat jagaan.</li><li>• Pejabat Kesihatan Daerah dan PBT membuat pemantauan secara berkala; pengusaha pusat jagaan membuat jadual untuk sanitasi persekitaran tempat tinggal dan peka dengan perubahan iklim di dalam memastikan keselesaan.</li><li>• KKM menyediakan templat berkenaan pemakanan untuk warga emas merujuk kepada sejarah penyakit.</li></ul> |
| <p>Kelewatan warga emas menerima rawatan di klinik/ hospital.</p>   | <ul style="list-style-type: none"><li>• Inisiatif efektif seperti 'fast-lane' atau 'home-visit' atau 'house call' untuk pemeriksaan berkala yang dikendalikan oleh NGO dengan kerjasama daripada KKM untuk rawatan pakar</li><li>• Program ziarah dan aktiviti sosial untuk mengekang isu sakit mental seperti kemurungan.</li></ul>  |

## Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU)

Dalam aspek Kesihatan Awam dalam Ekonomi Penjagaan bagi penjagaan OKU, isu berkaitan persekitaran tempat tinggal yang mengancam kesihatan dilihat sebagai cabaran paling utama. Kontrol premis termasuk pengawasan agar mematuhi garis panduan kebolehcapaian OKU seperti laluan orang buta, laluan kerusi roda, dan lain-lain. Audit keselamatan bangunan secara berkala juga perlu dilakukan oleh agensi berkaitan. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Persekitaran tempat tinggal yang mengancam kesihatan.

Agensi berkaitan seperti JKM dan PBT membuat inventori pusat jagaan dalam memastikan mempunyai kelulusan pemajuan (Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan) dan mempunyai lesen perniagaan.

- Mengawal premis dengan memastikan bangunan mematuhi garis panduan melalui penyediaan premis pusat jagaan yang mesra OKU; seperti contoh laluan orang buta, laluan kerusi roda, tempat letak kereta, papan tanda dan sebagainya.
- Agensi berkaitan seperti PBT dan Kerajaan Negeri (UPEN) membuat audit keselamatan bangunan secara berkala.

# Penjaga

Bagi aspek kesihatan awam dalam ekonomi penjagaan bagi penjaga, tumpuan perlu diberikan kepada golongan tiada kemahiran dalam penjagaan dan bantuan kepada golongan rentan.

Kumpulan 2 mencadangkan beberapa idea seperti penyediaan Buku Panduan Penjagaan Asas yang seragam di seluruh Malaysia, menganjurkan latihan kemahiran yang diiktiraf, dan menetapkan piawaian kriteria untuk penjaga adalah langkah-langkah penting. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Tiada kemahiran dalam penjagaan dan bantuan (golongan rentan)

- Tiada pengetahuan berkenaan kebersihan dan keselesaan tempat tinggal untuk warga emas/orang kurang upaya/ kanak-kanak.
- Tiada pengetahuan berkenaan pemakanan yang berkhasiat merujuk kepada kanak-kanak/ warga emas / orang kurang upaya.

- Menyediakan Buku Panduan Penjagaan Asas yang seragam di seluruh Malaysia dan Negeri Selangor khususnya.
- Menganjurkan latihan kemahiran yang diiktiraf untuk persijilan di bawah MQA.
- Mewujudkan piawaian kriteria yang bersesuaian sebagai seorang penjaga.
- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk subsidi bagi badan non-profit dalam proses pendaftaran pusat jagaan.
- Agensi berkaitan membuat pemantauan berterusan secara berkala di dalam memastikan pengusaha premis sentiasa kompeten, berpengetahuan dan bertauliah.

# Pembentangan Kumpulan 3: Kualiti dan Inklusiviti dalam Ekonomi Penjagaan

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Dr. Sh Fatimah Alzahrah Syed Hussien Al-Attas. Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

## Penjagaan Kanak-kanak

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan inklusiviti dalam Ekonomi Penjagaan, beberapa isu penjagaan kanak-kanak telah diidentifikasi bersama dengan cadangan penambahbaikan yang sesuai. Ini merangkumi permasalahan isu kekurangan data, isu pelesenan, kelayakan penjaga, kadar bayaran serta lain-lain.

Cadangan termasuk keperluan penjagaan kanak-kanak melalui “Social Mapping,” keupayaan untuk menyederhanakan proses pelesenan, peningkatan kelayakan dan kemahiran penjaga, peningkatan kesedaran ibu bapa, dan langkah-langkah untuk menjadikan penjagaan kanak-kanak lebih terjangkau. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<b>Kekurangan data</b> bagi memastikan keperluan pusat penjagaan kanak-kanak.	Social Mapping jumlah kanak-kanak 6 tahun ke bawah dan keperluan penjagaan, geran boleh diberikan kepada UNISEL untuk membina sistem dan memberi latihan kepada PBT untuk mengemas kini data secara berkala.
<b>Pelesenan</b> (Permohonan yang rumit dan banyak prosedur dari pelbagai agensi antaranya PBT)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Permohonan dikumpulkan untuk memudahkan pemohon dan melibatkan semua agensi.</li><li>• Menyelaraskan semua agensi yang terlibat untuk mencapai satu kata putus.</li><li>• FGD tahunan bersama pemegang taruh.</li></ul>
<b>Kelayakan dan kemahiran penjaga</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelatih PERMATA yang tidak lagi relevan dan terkini.</li><li>• Kadar bayaran yang rendah.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Geran kepada operator untuk membayar gaji yang setaraf dengan kelayakan.</li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemantauan dan audit untuk membantu capacity building (dengan kerjasama ECCE council).</li> <li>• Melatih komuniti - pembiayaan jangka panjang melalui program CSR dengan program ESG syarikat korporat.</li> </ul>
<p>Ibu bapa yang <b>kurang cakna</b> dan tidak mengkaji dahulu status pendaftaran dan keadaan persekitaran tempat asuhan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbanyakkan program kesedaran untuk ibu bapa dan program kesedaran yang khusus di platform yang pelbagai tentang kualiti pusat penjagaan kepada ibu bapa berlainan keperluan (melalui media massa, poster and media sosial).</li> <li>• Buku panduan untuk ibu bapa selepas kelahiran.</li> </ul>
<p><b>Keterjangkauan (<i>affordability</i>) ibu bapa berpendapatan rendah</b> untuk mendapatkan penjagaan berkualiti.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemaju menawarkan kadar berpatutan kepada pengusaha supaya bayaran berpatutan boleh ditawarkan kepada ibu bapa - contoh Rumah SelangorKu</li> <li>• Galakan dana dari PBT untuk pembukaan pusat pengasuhan kanak-kanak. Kadar istimewa cukai pintu A bagi kawasan berpendapatan rendah. PBT berpendapatan rendah akan diberi lebih banyak bantuan kewangan dari negeri untuk tujuan ini.</li> </ul>
<p><b>Jarak</b> kawasan asuhan yang berdaftar dan berkualiti jauh dari kawasan rumah ibu bapa.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sokongan kepada kawasan yang paling diperlukan terutamanya kawasan B40.</li> <li>• Capaian perkhidmatan pengangkutan - pemberian geran pengangkutan dengan jaminan pengangkutan yang selamat untuk kanak-kanak.</li> <li>• Kebolehcapaian luar bandar - memperkasakan Program Impak Selangor.</li> </ul>



## Penjagaan Warga Emas

Dalam merangkumi aspek penjagaan warga emas, beberapa permasalahan dan cadangan penambahbaikan telah dikenal pasti. Cabaran-cabaran ini termasuk kurangnya inisiatif inklusif dan sokongan untuk warga emas, keperluan untuk mengintegrasikan kebajikan warga emas OKU dan terlantar dalam program PAWE, serta ketidaksempurnaan data mengenai warga emas.

Cadangan penambahbaikan merangkumi usaha untuk mencipta persekitaran mesra warga emas di tempat awam, peningkatan program PAWE dengan fokus kepada warga emas OKU, dan langkah-langkah untuk menyempurnakan data warga emas melalui penglibatan JKKK, program mingguan melawat, dan kerjasama dengan institusi agama tempatan. Pendekatan yang bersifat tempatan dan terarah ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti dan inklusiviti dalam penjagaan warga emas di Selangor. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<b>Kekurangan inisiatif inklusif</b> dan sokongan untuk warga emas.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persekitaran mesra warga emas di tempat awam.</li> <li>• PAWE peringkat negeri mengikut daerah mestilah termasuk warga emas, OKU dan terlantar di katil.</li> <li>• Jurulatih PAWE untuk kemahiran.</li> <li>• Program-program untuk PAWE untuk salurkan peruntukan.</li> <li>• Tempat letak kereta khas untuk warga emas - mengikut tempat letak kereta OKU dan tempat letak kereta wanita.</li> </ul>
Warga Emas yang mempunyai cabaran sebagai <b>OKU</b> .	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Outreach</i> dengan ahli daripada pengamal perubatan bersara.</li> <li>• Keterhubungan dengan masyarakat.</li> </ul>
<b>Program PAWE</b> yang kebanyakannya tidak menerima OKU yang sudah tua dan yang terlantar.	Penambahbaikan cadangan dan hala tuju yang jelas dalam organisasi.

### Data warga emas

- JKKK perlukan wakil warga emas.
- Adakan program mingguan melawat.
- Institusi agama tempatan diberi kuasa untuk memberi sokongan dalam penjagaan warga emas- ketua komuniti Jabatan Agama Negeri- Masjid/ Surau, Kuil, gereja dan lain-lain bagi melawat atau kenal pasti warga emas di kawasan masing-masing.
- Pemetaan data dengan kaedah yang lebih bersifat tempatan dan komuniti oleh PDT/PBT/JKK.

## Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU)

Dalam menyusun aspek penjagaan OKU, beberapa permasalahan dan cadangan penambahbaikan telah dibentangkan oleh Kumpulan 3. Permasalahan termasuk peruntukan yang tidak mencukupi, khususnya untuk OKU terlantar dan warga emas OKU, diskriminasi dalam aktiviti sekolah, dan kekurangan profesional seperti terapi cara kerja dan terapi pertuturan dengan gaji yang tidak kompetitif.

Cadangan penambahbaikan termasuk pemberian elaun, sistem *buddy* untuk menyokong OKU dalam pendidikan, meningkatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri, dan memberdayakan kanak-kanak/ pelajar serta ibu bapa untuk mengemukakan laporan diskriminasi. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<p>Peruntukan tidak mencukupi: OKU Terlantar</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Dewasa dan warga emas.</li></ul> <p>OKU Warga Emas</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tiada kesedaran.</li><li>• Diagnosis.</li><li>• Terapi and intervensi mahal.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Elaun sistem <i>buddy</i> untuk menyokong OKU dalam pendidikan di sekolah.</li><li>• Penambahan peruntukan daripada Kerajaan Negeri.</li><li>• Bantuan khas OKU untuk yang terlantar.</li><li>• Kit dari JKM disertakan dalam saringan.</li><li>• SKM mewujudkan peluang pekerjaan untuk terapi hujung minggu trak</li></ul>

	<p>mudah alih - penjanaan ekonomi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan penglibatan syarikat swasta melalui CSR.</li> </ul>
Diskriminasi dalam aktiviti sekolah dalam kalangan murid/pelajar OKU terutamanya OKU pelbagai.	Memberdaya kanak-kanak / pelajar dan ibu bapa untuk mengemukakan laporan.
Faedah diberikan mengikut isi rumah tetapi bukan bilangan ahli keluarga yang kurang upaya.	Faedah mengikut bilangan ahli keluarga yang kurang upaya.
Kekurangan profesional <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gaji tidak kompetitif</li> <li>• Kekurangan profesional lelaki</li> </ul>	Penawaran Biasiswa dengan jawatan tetap atau/ dan 5 tahun kontrak dengan Kerajaan Selangor.
Fasiliti terapi di luar bandar yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• WAQAF untuk kemudahan penjagaan.</li> <li>• Prasekolah untuk anak-anak OKU.</li> </ul>
Tiada pusat jagaan OKU warga emas.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pewujudan pusat jagaan OKU warga emas peringkat negeri Selangor.</li> <li>• Kemasukan bersyarat.</li> </ul>

## Penjaga

Dalam aspek penjagaan penjaga, terdapat beberapa permasalahan dan cadangan penambahbaikan yang perlu diambil kira seperti permasalahan termasuk ketiadaan cuti khas untuk pekerja swasta yang menjaga warga emas, keciciran peluang hidup akibat peranan penjagaan yang dipegang oleh ibu atau anak perempuan, pemisahan keluarga yang kurang bernasib baik, dan penafian penjagaan oleh penjaga yang tidak mahu memiliki kad OKU.

Cadangan kumpulan 3 termasuk pemberian cuti penjagaan berbayar untuk lelaki dan wanita, pengecualian cukai untuk PKS yang menawarkan cuti jagaan, serta meluaskan skop perlindungan sosial kepada semua penjaga. Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
Tiada cuti khas diberi untuk pekerja swasta bagi menjaga warga emas.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cuti penjagaan berbayar &amp; tidak bergaji untuk lelaki dan wanita.</li> <li>• Pengecualian cukai akan diberikan kepada PKS yang menawarkan cuti jagaan.</li> </ul>

<p>Penjaga yang bukan sahaja ibu, anak perempuan adalah penjaga utama yang mengakibatkan keciciran sekolah dan peluang kehidupan yang lebih rendah. Keluarga yang kurang bernasib baik sering dipisahkan apabila terdapat ramai ahli yang memerlukan penjagaan tanpa penjaga dewasa<sup>13</sup>.</p>	<p>Meluaskan skop perlindungan sosial kepada semua penjaga.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program keluarga angkat dibantu oleh Ahli Majlis.</li> <li>• Mewujudkan modul untuk penjagaan berasaskan keluarga (family-based care) di mana keluarga disokong.</li> </ul>
<p>Perkhidmatan kaunseling dan kesihatan mental yang ditawarkan untuk penjaga.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan kemahiran untuk pekerja sosial bagi penawaran perkhidmatan kepada penjaga.</li> <li>• Geran latihan sijil kemahiran untuk pekerja sosial SKM Tahap 3. Jaminan pekerjaan untuk pekerja sosial.</li> <li>• Modul dan perkhidmatan kesihatan mental untuk penjaga percuma untuk penjaga.</li> <li>• Platform untuk Kumpulan Sokongan Sosial &amp; Emosi.</li> </ul>
<p>Penafian daripada penjaga tentang status OKU dan tidak mahu kad OKU.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesedaran terhadap hak anak-anak OKU.</li> <li>• Pengesanan awal - 0-2 di KKM.</li> <li>• Program saringan ANIS dipanjangkan ke luar bandar, kekerapan diluaskan.</li> </ul>
<p>Program ANIS tamat pada usia 6 tahun: kekusaran untuk ibu bapa dengan pendapatan rendah. Kebimbangan Ibu Bapa/ Penjaga terhadap kesejahteraan dan penjagaan anak-anak mereka apabila mereka meninggal dunia.</p>	<p>Peluaskan program ANIS melangkaui kepada 6 tahun beserta manfaat serta jumlahnya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan perlindungan sosial untuk OKU / Hibah untuk OKU.</li> <li>• Perluaskan perlindungan dan jumlah perlindungan kepada warga OKU.</li> </ul>

13 Contoh yang disebut ialah ibu pesakit mental dijaga oleh anak bawah umur.

Sokongan buat guru/ pendidik yang bekerja untuk murid dan pelajar berkeperluan pendidikan khas yang terhad.

Penghargaan/ Bonus tahunan untuk guru yang bekerja dengan murid/ pelajar OKU.

Ibu bapa kanak-kanak OKU memerlukan sokongan-sokongan dan faedah yang ditawarkan oleh kerajaan dan NGO lain.

Selepas menerima anak menerima kad OKU, ibu bapa akan dimajukan ke pusat sehenti digital melalui Aplikasi SELANGKAH.

Kesedaran dan pendidikan untuk menggalakkan kerja penjagaan sebagai tanggungjawab bersama.

- Menyemai kesedaran dalam pendidikan bermula daripada usia Taska (Moral/ Agama Islam).
- Lelaki perlu digalakkan untuk menjadi penjaga.

## Pembentangan Kumpulan 4: Inovasi dalam Ekonomi Penjagaan

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator En. Muttaqqin bin Eshamuddin. Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

### Penjagaan Kanak-kanak

Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
Kurangnya inovasi perkembangan minda kanak-kanak yang sesuai dengan zaman kini.	Program lebih kepelbagaian.
Keraguan tahap kualiti penjagaan kanak-kanak dengan kos (isu lesen, latihan) dan ketidakcukupan taska-tadika.	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Streamline</i> pendaftaran dan mengumpulkan data kepada penjagaan di rumah bersama pengurusan pangsapuri.</li><li>• Subsidi daripada gaji, dekat dengan pejabat dan inisiatif majikan.</li><li>• Piawaian 5-bintang untuk subsidi khas.</li></ul>
Kesukaran birokrasi untuk sektor penjagaan kanak-kanak dan kurangnya data kesenjangan (berapa tadika, berapa keluarga) dan pemetaan.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembinaan/ kolaborasi dengan premis yang dekat untuk pusat jagaan dibina dekat dengan keluarga.</li><li>• Perlunya data kesenjangan.</li></ul>

## Penjagaan Warga Tua

Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
Isu <i>companionship</i> dan keselamatan dalam pepadanan bantuan kepada warga emas beserta kekangan teknologi untuk menyemak identiti dan latar belakang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek <i>pilot timebank</i> dan <i>intergenerational service (Kids &amp; Gramps)</i></li> <li>Hub warga emas</li> <li>Pepadanan sukarelawan dengan warga emas berasaskan <i>rating</i> dan kemasukan dalam komuniti yang dihubung dengan PDRM.</li> <li>Nannycare seperti Kiddocare dan Teman.</li> </ul>
Tiada ruang untuk warga emas berproduktif meskipun ada sumber dan pengalaman yang banyak.	Direktori warga tua mengikut kepakaran dan pengalaman.
Isu keselamatan warga emas yang ingin tinggal di rumah sendiri dan jauh daripada bandar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penjagaan berasaskan komuniti, berasaskan budaya masyarakat (menggunakan sumber tempatan sendiri).</li> <li>Teknologi wearables dan CCTV.</li> </ul>

## Penjagaan Warga OKU

Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
Cabaran tempoh masa diagnosis jenis OKU.	Memperkasakan ANIS untuk diagnosis OKU.
Rendahnya kesedaran komuniti tentang kelainan upaya anak.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewajibkan kursus awal kepada ibu bapa yang bakal mendapat anak.</li> <li>Tambah modul keibubapaan, kesihatan genetik, dan penjagaan dalam kursus kahwin.</li> </ul>
Kekangan kewangan untuk bantuan dan sokongan.	Menetapkan kuota peratusan dalam sektor pekerjaan untuk OKU (seperti 1% di Thailand).

# Penjaga

Butiran penuh pembentangan adalah seperti berikut.

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
Rendahnya minat pelapis dan tebalnya stigma dan <i>high turnover</i> serta tahap gaji.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemartabatan profesion dan penjenamaan semula pekerjaan <i>caregiver</i>.</li><li>• Inovasi pensijilan dan kemahiran profesional dengan kerjaya <i>caregiver</i>.</li><li>• Inovasi laluan kerjaya yang jelas untuk <i>caregiver</i>.</li></ul>
Kesungguhan untuk menjadi penjaga.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ujian aptitud untuk pelajar sekolah dengan penambahan kepada fokus <i>caregiver</i>.</li><li>• Pengenalpastian awal minat sebelum SPM di sekolah.</li></ul>
Rendah pengiktirafan dan bantuan kepada <i>caregiver</i> yang menjaga golongan yang lebih rentan.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memperkenal penjawatan, jabatan dan portfolio khusus untuk <i>caregivers</i>.</li><li>• Kad khas untuk pengiktirafan dan manfaat yang khas untuk mereka.</li><li>• Direktori khas atau <i>apps</i>/ ditambah di <i>apps</i> Selangkah.</li></ul>

## Kesimpulan

Kumpulan 4 merumuskan perbincangan dengan penekanan isu kurangnya data dan pemetaan sebagai isu umum merentas kategori tema ini.



# Pembentangan Kumpulan 5: Pelaburan dan Impak Ekonomi Penjagaan

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Dr. Haniza Khalid. Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka. Pembentangan mereka ringkas dan dihalakan segala cadangan mengikut jenis peluang.

## Penjagaan Kanak-kanak

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
Kurang kepercayaan kepada pengendali dan pekerja Taska (kelayakan dan latihan).	<b>Peluang Pelaburan:</b> Syarikat latihan swasta yang berdaftar, KKM dan IPTA/S bekerjasama dengan NGO untuk menawarkan latihan dan pensijilan berkala bagi semua pekerja penjagaan berkaitan kanak-kanak.
Kos yang tinggi dan prosedur yang banyak untuk pengendali Taska dalam Rumah.	<b>Mengurangkan Kos</b> Menggunakan dana CSR/wakaf dan peruntukan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos modal awal ( <i>capital cost</i> ) atau sewa premis. Ini membolehkan pengusaha Taska mengenakan caj yuran yang lebih murah. Mengklasifikasikan sebagai ' <i>essential services</i> '.
Ketiadaan pemantauan kualiti khidmat di dalam taska.	<b>Memperkuhkan Pasaran:</b> Syarikat swasta dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan audit dan penarafan ke atas taska, di samping syarikat tersebut menyediakan mekanisma memperolehi <i>feedback</i> daripada ibu bapa.

## Penjagaan Warga Tua

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
Kurang maklum tentang peralatan yang boleh membantu mobiliti, keselamatan atau keselesaan penjagaan orang tua atau ' <i>post-hospital needs</i> '.	<b>Peluang Kerjasama:</b> Hospital kerajaan bekerjasama dengan syarikat farmasi untuk memberi cadangan peralatan yang boleh digunakan di rumah. Golongan kurang mampu boleh mendapatkan bantuan dari sumber CSR/ Zakat.
Tiada perkhidmatan pengangkutan dan 'chaperon' untuk warga emas bagi tujuan janji temu hospital atau lain-lain keperluan di luar (terkurung di rumah).	<b>Peluang Perniagaan:</b> Menyediakan platform untuk kereta/van dan ' <i>chaperon</i> ' jika perlu, bagi membolehkan Warga Tua keluar secara bersendirian atau berkumpulan.

## Penjagaan Warga Orang Kurang Upaya

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
Kurang latihan khusus bagi setiap kategori dan sub-kategori OKU.	<b>Peluang Pelaburan:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat latihan swasta yang berdaftar, KKM dan IPTA/S bekerjasama dengan NGO untuk menawarkan latihan dan pensijilan di bawah program biasiswa Kerajaan Negeri/CSR.</li> <li>Pelatih yang berjaya boleh ditawarkan geran perniagaan di bawah skim Social Enterprise dan lain-lain dari peringkat Nasional.</li> <li>MBI melabur dalam pusat penjagaan OKU tersebut.</li> </ul>
Kurang maklum tentang peralatan yang boleh membantu latihan dan rehabilitasi di rumah.	<b>Peluang Kerjasama:</b> Hospital kerajaan bekerjasama dengan syarikat farmasi untuk memberi Latihan kepada penjaga dan mencadangkan peralatan ' <i>educational tools/toys</i> yang boleh digunakan di rumah oleh OKU dan

penjaga. Golongan kurang mampu boleh mendapatkan bantuan dari sumber CSR/Zakat untuk latihan dan peralatan tersebut.

## Penjaga

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<p><b>Kekurangan penjagaan tempoh pendek</b> bagi <i>caregivers</i>, menyebabkan mereka tidak dapat keluar untuk urusan-urusan penting.</p> <p>Kurang pendedahan kepada latihan-latihan/peluang perniagaan yang sesuai bagi <i>caregivers</i> di rumah &amp; kesediaan untuk masuk semula ke pasaran buruh (bagi yg berhenti kerja).</p>	<p><b>Peluang Teknologi:</b> Penyediaan khidmat komunikasi <i>online</i> dalam kalangan jiran atau penduduk setempat yang terlatih.</p> <p><b>Peluang Perniagaan:</b> Penyediaan khidmat pembangunan kompetensi pekerja dan <i>continuous learning</i> dan '<i>business matchmaking</i>' bagi <i>caregivers</i> sepenuh masa untuk menambahkan kemahiran dan memberi peluang untuk menceburi bidang perniagaan secara sambilan (secara individu atau berkumpulan) dan bersedia untuk masuk semula ke pasaran buruh.</p>
<p>Ketirisan graduan yang masuk dalam pasaran buruh khususnya dalam <i>care industry</i> dan kurangnya penyertaan komuniti.</p>	<p><b>Pelaburan:</b> Khidmat kaunseling di ambang pasca-graduasi untuk mengenal pasti potensi talent dan membangunkan <i>pool of talent/ volunteers/ social workers</i> - (Mengetahui pasti kitaran hayat yang memerlukan intervensi, ditambah oleh Prof Emeritus Dato' Dr Norma Mansor).</p>

# Pembentangan Kumpulan 6: Peluang Pekerjaan Berimpak Tinggi dalam Ekonomi Penjagaan

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator En. Ahmad Ikram Abdullah. Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

## Isu-isu umum

	Isu-Isu Umum	Cadangan Penambahbaikan
1.	Peluang pekerjaan berimpak tinggi dilihat daripada sudut apakah <b>impak pekerjaan tersebut kepada penerima penjagaan serta masyarakat setempat</b> , tidak hanya impak dari sudut pulangan lumayan.	Punca kuasa – Kerajaan Negeri Selangor disarankan supaya memperjuangkan usaha untuk menerajui kelulusan RUU Profesion Kerja Sosial yang sekian lama tertangguh.
2.	<b>Kecapahan kemahiran</b> Ekonomi Penjagaan mempunyai banyak sub-sektor, dan peluang pekerjaan untuk setiap sub-sektor adalah berbeza-beza dan memerlukan “skills set” yang berbeza juga.	Menempatkan seorang pekerja sosial di setiap komuniti.
3.	Usaha meningkatkan pemberdayaan (empowerment and capacity building) pekerja jagaan harus diberi perhatian kerana <b>pemeriksaan sistem sokongan yang masih lemah</b> . Ramai pekerja jagaan informal, mempunyai tahap pendidikan dan kemampuan untuk menyumbang semula kepada masyarakat sekiranya sistem sokongan yang baik ini dapat diperkasa.	Sebagai langkah mengiktiraf kerja dalam bidang penjagaan, kerajaan disaran menjadikan pekerja yang terlibat dalam bidang ini sebagai professional terlatih yang menawarkan perkhidmatan yang mendapat akreditasi daripada badan-badan latihan yang khusus termasuk IPT.
4.	Pekerja sosial dan kaunselor terlatih mempunyai peranan besar pada peringkat komuniti, namun, tidak mencukupi dan berkos tinggi.	Bagi memastikan kos melatih pekerja penjagaan tidak membebankan, kerajaan harus mengkaji penggunaan instrumen kewangan alternatif seperti Waqaf, CSR syarikat dan bank, Zakat dan pewujudan Tabung Kebajikan di masjid – masjid.

- |    |   |   |
|----|---|---|
| 5. | <p><b>Kesihatan mental pekerja penjagaan masih belum terjamin</b> meski bidang ini mempunyai cabaran tersendiri (contohnya waktu kerja 24/7).</p>   | <p>Kerajaan juga dicadangkan supaya mengkaji kolaborasi rentas jabatan/ agensi kerajaan dalam mempermudah proses dan menggalakkan pekerjaan dalam Ekonomi Penjagaan melalui insentif tertentu, contohnya pengecualian sewa oleh KPKT.</p> |
| 6. | <p>Kesedaran tentang peri pentingnya Ekonomi Penjagaan serta <b>pengiktirafan masih rendah</b> dalam membina keyakinan diri dan membentuk imej yang wajar di mata masyarakat terhadap para pekerja penjagaan.</p> | <p>Ukuran keberkesanan untuk sebarang pemberian dana/ peruntukan/ sumbangan/ geran atas tujuan Ekonomi Penjagaan harus lebih dilihat daripada sudut impak (<i>outcome oriented</i>) dan tidak semata-mata <b>output oriented</b>.</p>     |

# Pembentangan Kumpulan 7: Advokasi dan Promosi untuk Ekonomi Penjagaan

Perbincangan kumpulan ini telah dikendalikan oleh fasilitator Dr. Diana Katiman. Berikut adalah butiran pembentangan berdasarkan perbincangan mereka.

## Badan Bukan Kerajaan / Institusi

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<p>Warga Emas/ OKU/ Pesakit</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Stigma mendaftar sebagai OKU.</li><li>• Tidak tahu apa sokongan Kerajaan Negeri/Persekutuan.</li></ul>	<p>Penerangan lebih meluas: galakan kepada ibu bapa, sekolah, hospital, klinik swasta.</p>
<p>Penjaga/ Lain-lain (sistem)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>caregiver</i> tidak mempunyai nilai/ empati yang tinggi, terpaksa jadi penjaga.</li><li>• penjaga kurang kemahiran yang diperlukan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Advokasi kepada agensi: caregiver perlu melalui ujian personaliti/ DASS-21 sebelum diambil bekerja oleh agensi/ keluarga.</li><li>• Advokasi kepada majikan: caregiver wajib ada sijil kemahiran caregiver, asas pertolongan cemas dan psychological first aid (PFA).</li></ul>

## Agensi-agensi Kerajaan Negeri / Persekutuan

Permasalahan Isu	Cadangan Penambahbaikan
<p><u>Kanak-kanak</u></p> <p>Penderaan kanak-kanak berleluasa disebabkan isu pengasuh/ penjaga <i>burnout</i>: Tangga gaji tidak berdasarkan kelayakan. Ada diploma/ ijazah tetapi gaji yang diterima RM1500, berbanding graduan baru lain.</p>	<p>Memartabatkan profesion <i>caregiver</i>, dengan mewujudkan badan penyelia <i>caregiver</i> yang memastikan pelatihan yang sesuai, akreditasi selepas menerima latihan, menjaga kebajikan <i>caregiver</i> (termasuk menuntut gaji yang bersesuaian).</p>
<p><u>Warga Emas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesukaran mendapatkan taraf OKU (dan keistimewaan mendaftar) bagi warga emas yang terlantar/ nyanyuk/ <i>advanced parkinson's disease</i>/ paliatif.</li> <li>• Kekurangan fasiliti yang sesuai buat warga emas terutama di bangunan-bangunan lama seperti jalan naik, lif, pemegang tangga, dan lantai licin.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perluaskan definisi ketidakupayaan (termasuk warga emas terlantar, pesakit paliatif e.g: <i>brain metastases (non traumatic brain injury)</i>).</li> <li>• Menambah baik fasiliti dengan bantuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</li> </ul>
<p><u>OKU/ Pesakit</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>High turnover</i> dalam kalangan penjaga pusat OKU seperti Pertubuhan Pemulihan dalam Komuniti (PDK)<sup>14</sup>.</li> <li>• Kekurangan pendaftaran kad OKU.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah elaun bagi pekerja yang menjaga OKU mengikut taraf pendidikan dan kelayakan seperti contoh negeri Johor &amp; Pahang menambah elaun menggunakan bajet Negeri.</li> <li>• Memperluaskan faedah memiliki kad OKU.</li> </ul>
<p><u>Penjaga/ Lain-lain (sistem)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan jawatan bagi pekerja sosial di komuniti.</li> <li>• NGO/ <i>Company Social entrepreneurship</i> perlu tampung kos tinggi untuk melatih dan mengekalkan tenaga kerja <i>caregiver</i>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengiktiraf kerja pekerja sosial di komuniti/ sekolah.</li> <li>• Kerajaan sediakan geran kepada NGO/ <i>Social entrepreneurship</i> yang terlibat aktiviti penjagaan. Penerima manfaat juga tidak tertumpu kepada B40 sahaja (<i>outsourcing</i>).</li> </ul>

## Kesimpulan Ringkas Pembentangan Kumpulan

Berdasarkan keseluruhan pembentangan, antara rumusan kasar keseluruhan yang mana semua kumpulan ada sebutkan hal sama adalah tentang:

1. Kebajikan penjaga amat perlu dititikberatkan daripada segi kesihatan mental, sokongan, dan beban kerja.
2. Pemartabatan profesion penjaga iaitu perlunya pengiktirafan pekerjaan yang melibatkan penjagaan ini tidak kira daripada aspek latihan dan pensijilan, penggajian, ganjaran, pembentukan naratif yang lebih baik, dan peluang.
3. Pemantauan adalah amat diperlukan memandangkan banyak pekerjaan dalam sektor ekonomi ini sekarang masih informal dan masih banyak risiko yang terdedah dalam sektor ini.
4. Peningkatan kemudahan yang diperlukan untuk penjaga dan yang dijaga tidak kira daripada aspek penyediaan pusat yang lebih banyak, atau peningkatan kualiti mesin/ infrastruktur dalam pusat sedia ada, mahupun dalam proses yang diperlukan oleh penjaga.
5. Keperluan data yang lebih banyak dan berkualiti sama ada daripada segi pemetaan lokasi dan keperluan, pemadanan keperluan, dan keperluan serta angka sebenar golongan rentan dalam ekonomi penjagaan.





# PEMBENTANGAN

Resolusi Dan Penutup



**D**alam pembentangan resolusi, YB Puan Anfaal Saari telah mengemukakan serangkaian langkah yang berasaskan kesepakatan bersama. Resolusi ini merupakan satu titik permulaan yang strategik untuk membentuk lanskap ekonomi penjagaan di Selangor.

Bagi resolusi pertama, beliau menyentuh **keperluan pengagihan semula tanggungjawab penjagaan dengan (i) mengiktiraf sektor penjagaan, (ii) mempromosikan tanggungjawab bersama, dan (iii) mendesak agar agenda penjagaan dipikul secara kolektif.** Pengiktirafan terhadap semua pemegang taruh dan penggalakan tanggungjawab bersama adalah langkah progresif dalam menyokong ekonomi penjagaan. Ini bukan sahaja menghasilkan kesaksamaan, tetapi juga memastikan keberkesanan pelaksanaan langkah-langkah yang dirancang. Resolusi kedua adalah pengenalan empat (4) teras ekonomi penjagaan negeri Selangor yang akan dihuraikan lanjut dalam seksyen berasingan di bawah.

Akhir sekali, sebagai resolusi ketiga, YB Puan Anfaal mencadangkan aspek reformasi perundangan dalam jangka masa panjang, khususnya berkaitan dengan profesionalisme pekerja sosial. Pertama, beliau menyenaraikan perlunya dilakukan reformasi dalam bidang perundangan secara rasmi untuk mengiktiraf profesion

pekerja sosial sebagai pekerjaan profesional. Pengiktirafan ini adalah penting untuk memberikan status dan penghormatan kepada pekerja sosial, sejajar dengan tanggungjawab dan peranan mereka dalam memberikan bantuan sosial kepada masyarakat. Rang undang-undang yang jelas dan spesifik dapat membentuk landasan yang kukuh untuk melindungi hak, tanggungjawab, dan kepentingan pekerja sosial.

Kedua, beliau mencadangkan di bawah resolusi ketiga ini untuk mengadakan atau memperbaharui sistem pengawalseliaan pekerja sosial beroperasi dalam kerangka etika dan mutu profesional yang tinggi. Pengawalseliaan ini boleh membantu memantau prestasi, memastikan kepatuhan terhadap etika profesional, dan memberikan laluan bagi pembangunan profesional pekerja sosial. Melalui pengawalseliaan yang berkesan, masyarakat dapat meyakini bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sosial adalah berkualiti tinggi dan selaras dengan matlamat kesejahteraan sosial.

Reformasi perundangan dalam dua aspek ini menurut beliau akan membantu membentuk landskap kerja pekerja sosial yang lebih mantap, di mana mereka dapat memberikan sumbangan maksimum kepada masyarakat dengan penuh keyakinan dan kepercayaan diri.

# Resolusi Teras Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor

Untuk resolusi kedua, beliau mengetengahkan empat teras ekonomi penjagaan yang mana menekankan pengiktirafan semua pemegang taruh dan adanya hubungan saling merentasi.

## Teras pertama

Teras pertama yang beliau kongsi ialah kerajaan negeri di mana adanya keperluan sinergi di antara portfolio Exco, jabatan, dan agensi, di mana peranan Menteri Besar dilihat sebagai tunjang, berbanding meletakkan ekonomi penjagaan ini hanya kepada Exco wanita sahaja. Ini menggariskan betapa pentingnya campur tangan dan kepimpinan langsung daripada pucuk pimpinan negeri.

Seterusnya, bagi teras pertama mencapai keseragaman undang-undang kecil di peringkat tempatan, adalah penting untuk menilai dan memperbaharui peraturan seperti di peringkat Program Local Agenda 21, LA21 dan LA25<sup>15</sup>. Pelaksanaannya di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu ditingkatkan agar selaras dengan objektif pemerikasaan ekonomi penjagaan.

Ketiga, beliau berkongsi perlunya penambahbaikan peraturan dan garis panduan untuk menyokong

pelaksanaan ekonomi penjagaan di Selangor. Kerjasama erat antara operator lapangan dan pihak berkuasa diperlukan untuk membina garis panduan yang menyeluruh dan praktikal bagi semua pengusaha dalam sektor ekonomi penjagaan.

Keempat, penekanan pada perlindungan sosial membawa kepada keperluan untuk mengumpul, menganalisis, dan berkongsi data yang relevan. Ini melibatkan penyusunan data yang terperinci dan menyeluruh tentang keperluan penjaga, serta memastikan maklumat ini diintegrasikan dan diakses oleh pihak berkepentingan relevan.

Kelima, pemetaan sosial merentasi sektor adalah usaha penting yang harus dipegang oleh kerajaan negeri. Dengan merangkumi inisiatif seperti MyAgeing sebagai sumber inspirasi, kerajaan boleh memimpin usaha untuk mengenal pasti dan menyusun struktur sosial yang berkaitan dengan ekonomi penjagaan.

<sup>15</sup> YB Puan Anfaal merujuk kepada Program LA21/ LA25 yang merupakan program/ aktiviti yang menekankan penglibatan tiga (3) pihak berkepentingan iaitu PBT, Agensi Kerajaan/ Swasta/ NGO dan penduduk untuk bersama-sama melibatkan diri melalui program/pembangunan ke arah mampan yang seimbang.

Akhir sekali, dalam menetapkan peruntukan tahunan Belanjawan Negeri, kerajaan negeri dapat memberikan sokongan kewangan yang kukuh dan berterusan untuk melaksanakan dan mengukuhkan agenda ekonomi penjagaan di Selangor. Peruntukan ini untuk memastikan bahawa sumber daya yang mencukupi diperuntukkan untuk menggerakkan dan menjayakan usaha-usaha dalam meningkatkan ekonomi penjagaan di peringkat negeri.



## Teras kedua

YB Puan Anfaal menekankan pihak swasta sebagai teras kedua memainkan peranan yang signifikan dalam menggerakkan ekonomi penjagaan dan memastikan kejayaan usaha ini. Beberapa inisiatif dan tindakan yang diperlukan termasuklah:

Pertama, kolaborasi kewangan di antara sektor awam dan swasta adalah aspek kunci dalam menjayakan ekonomi penjagaan. Kerjasama kewangan ini dapat melibatkan skim insentif, pembiayaan projek-projek inovatif, dan pembangunan pelbagai mekanisme sokongan yang bertujuan untuk memberi dorongan kepada pelaburan swasta dalam sektor ini.

Kedua, penyediaan ekosistem perniagaan yang kondusif perlu ditekankan. Penggunaan *Environmental, Social, and Governance (ESG)* scoring dapat menggalakkan sektor swasta untuk menyumbang kepada ekonomi penjagaan. Ini boleh termasuk peningkatan dalam amalan kelestarian, perancangan bandar yang lebih mesra warga tua, dan inisiatif lain yang memberi tumpuan kepada tanggungjawab sosial.

Ketiga, latihan dan bimbingan adalah penting untuk mengimbangi tanggungjawab kerajaan. Pihak swasta perlu memainkan peranan dalam membina keupayaan pekerja dalam sektor penjagaan melalui penyediaan latihan dan bimbingan. Ini membantu meningkatkan profesionalisme dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh sektor ini.

Keempat, teknologi dan inovasi sosial perlu diterapkan. Seiring dengan perkembangan tren pekerjaan informal dan pekerja gig, penggunaan teknologi dan inovasi sosial boleh membantu meningkatkan efisiensi dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan.

Akhirnya, tanggungjawab sosial korporat adalah elemen yang penting. Yayasan milik entiti swasta, terutamanya Yayasan GLC (*Government-Linked Companies*), yang memiliki dana untuk membantu mangsa banjir atau bencana lain, perlu diperkuatkan. Langkah ini dapat membantu mencipta dampak positif dalam komuniti dan mengukuhkan komitmen pihak swasta terhadap perkembangan ekonomi penjagaan.

## Teras ketiga

Bagi teras ketiga, YB Puan Anfaal mengetengahkan peranan keluarga pula. Menurut beliau, beberapa aspek perlu diberi tumpuan bagi teras ini.

Pertama, perlunya perubahan budaya dan norma sosial sebagai kunci dalam mengukuhkan sokongan kepada ekonomi penjagaan. Menurut beliau, nilai-nilai seperti tanggungjawab sosial perlu menjadi sebahagian daripada budaya keluarga yang dinaikkan semula. Beliau menekankan di sini bahawa memberikan perkhidmatan penjagaan adalah satu bentuk keberkatan, ihsan, dan amalan kebaikan yang mulia dapat membantu mengangkat martabat peranan ini di dalam masyarakat.

Seterusnya, pengiktirafan sosial terhadap pekerjaan penjagaan perlu ditingkatkan. YB Puan Anfaal mengingatkan bahawa apabila

seseorang memilih untuk menyumbang melalui kerjaya atau peranan dalam bidang penjagaan, pengiktirafan dan penghargaan masyarakat terhadap keberkatan tindakan tersebut adalah penting. Hal ini dapat membina semangat sukarelawan dan pekerja penjagaan serta memberi inspirasi kepada generasi akan datang.

Di bawah teras ini juga, akses khidmat profesional untuk kerja-kerja penjagaan adalah langkah yang perlu digalakkan. Aspek ini dilihat merentas dengan teras pihak swasta sebelum ini di mana sektor swasta dapat memudahkan akses kepada khidmat-khidmat penjagaan yang profesional dan berkualiti tinggi. Ini termasuklah penyediaan latihan kepada ahli keluarga untuk melaksanakan tugas mereka dengan lebih efektif dan bertanggungjawab.

## Teras keempat

Akhir sekali, teras komuniti juga memainkan peranan penting dalam ekonomi penjagaan, dan beberapa aspek perlu dijelaskan untuk memastikan kejayaan dan keberlanjutan usaha ini.

Menurut YB Puan Anfaal, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan utama dalam pendekatan 'bottom-up' untuk ekonomi penjagaan. Dengan melibatkan komuniti

secara langsung, inisiatif ini dapat merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan dan memenuhi keperluan penjagaan masyarakat secara lebih tepat dan efektif.

Kedua, kempen dan advokasi yang berterusan daripada NGO adalah penting dalam menyokong ekonomi penjagaan. Contohnya, kempen seperti Jiran Baik boleh menjadi inspirasi untuk menggalakkan bantuan dan sokongan

antara jiran-jiran, membentuk satu komuniti yang lebih bersatu dan prihatin terhadap keperluan penjagaan.

Selain itu, di bawah teras komuniti ini, inisiatif kejiranan juga memegang peranan penting dalam menggalakkan penyertaan komuniti. Dengan mewujudkan program-program yang berkaitan dengan penjagaan di peringkat kejiranan, kita dapat meningkatkan kesedaran dan melibatkan lebih ramai individu dalam usaha menjaga masyarakat. Di sini beliau turut menekankan jaringan sosial sebagai aspek yang perlu juga diberi perhatian. Melalui pembinaan jaringan yang kukuh di antara ahli

komuniti, sumber daya dan sokongan dapat dikongsi secara lebih berkesan, membentuk ekosistem penjagaan yang lebih efisien.

Akhir sekali, YB Puan Anfaal turut menyenaraikan model zakat dan waqaf adalah satu bentuk sokongan komuniti yang berkesan dalam memastikan kelestarian ekonomi penjagaan. Melibatkan zakat dan wakaf dalam inisiatif penjagaan dapat membantu menyediakan sumber kewangan tambahan untuk memenuhi keperluan masyarakat yang memerlukan, seperti yang diamalkan di Turki untuk pelbagai keperluan.

## Garis Masa Cadangan Tindakan

Dalam penutupan ucapan ini juga, YB Puan Anfaal menegaskan keperluan untuk meneruskan perbincangan demi tindakan ekonomi yang lebih berkesan dan sejajar dengan usaha membina Selangor Penyayang. Beliau menyatakan bahawa ini permulaan untuk langkah seterusnya dalam memastikan ekonomi penjagaan akan terus menjadi keutamaan di Negeri Selangor.





Beliau juga berkongsi hala tuju ekonomi penjagaan di Selangor dengan mengumumkan jadual tindakan yang jelas beserta dengan cadangan garis masa. Beliau memulakan dengan Oktober 2023 di mana dokumen simposium akan disusun untuk merekodkan hasil-hasil dan cadangan yang telah dibincangkan sepanjang sesi. Dokumen ini akan menjadi asas bagi perkembangan seterusnya dalam ekonomi penjagaan di negeri Selangor.

Seterusnya, sasaran April 2024 dirancang untuk menyaksikan penubuhan kerangka tindakan ekonomi sebagai dokumen rujukan yang boleh digunakan oleh semua pemegang taruh. Kerangka tindakan ini dijangka memberikan panduan dan pandangan yang diperlukan untuk melaksanakan perubahan. Beliau menekankan bahawa dokumen ini bukanlah sekadar cetakan, tetapi satu panduan dinamik yang boleh dikemaskini mengikut keperluan semasa dan perubahan

dalam landskap ekonomi penjagaan.

Sebagai langkah akhir dalam cadangan pelan tindakan ini, mensasarkan Jun 2024, YB Puan Anfaal mengumumkan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor. Majlis ini akan berfungsi untuk memantau, merancang, dan memberikan saranan mengenai pelaksanaan tindakan-tindakan ekonomi penjagaan di negeri Selangor. Dengan penubuhan majlis ini, diharapkan akan terbentuk satu platform yang dinamik untuk berterusan berbincang, melaksanakan, dan menilai keberkesanan langkah-langkah yang diambil dalam menggerakkan ekonomi penjagaan di Selangor.

YB Puan Anfaal menyimpulkan ucapan penutupnya dengan harapan bahawa usaha ini akan membuahkan hasil yang memberangsangkan dan menjadikan Selangor sebagai rujukan dalam menyokong ekonomi penjagaan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Simposium Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor Tahun 2023

**RAKAN KERJASAMA**





Laporan ini disediakan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS)



@wanitaberdayaselangor